

Perokok tidak akan diberi Anugerah Khidmat Cemerlang

ALOR SETAR 3 Okt. - Bermula tahun ini, Jabatan Kesihatan Kedah menetapkan hanya warga kerja yang tidak merokok akan dipertimbangkan untuk Anugerah Khidmat Cemerlang. Pengarah Kesihatan Kedah, Dr. Marzukhi Md. Isa berkata, langkah itu diambil bagi membasmi tabiat merokok di kalangan warga kerja jabatan itu. "Kita tidak mahu perokok menjadi idola masyarakat. Kita tidak mahu doktor yang sentiasa mengingatkan pesakit tentang bahaya merokok adalah seorang perokok. "Jadi kita mengambil inisiatif ini supaya mereka (kakitangan kesihatan) mengurangkan pengambilan rokok dan sekali gus berhenti merokok," katanya kepada pemberita selepas majlis Sambutan Hari Jantung Sedunia peringkat negeri di Hospital Sultanah Bahiyah di sini hari ini.

Katanya, tabiat merokok tidak baik untuk kesihatan yang merupakan punca kepada pelbagai penyakit termasuk sakit jantung. Dr. Marzukhi berkata, kini terdapat 13,000 kakitangan di Jabatan Kesihatan Kedah dan daripada jumlah itu, 30 peratus adalah perokok. "Sejak kita memperkenalkan syarat baru untuk anugerah ini, saya dapati sudah ada kakitangan kita yang berhenti merokok dan ada juga yang sudah kurang merokok," katanya. Mengenai penutupan lima pusat rekreasi akibat jangkitan kuman kencing tikus atau leptospirosis, Dr. Marzukhi berkata, semua pusat rekreasi iaitu Puncak Janing di Kuala Nerang, Lata Bayu (Baling), Bukit Wang (Kubang Pasu), Bukit Perak dan kawasan tasik Pendang Lake Resort (Pendang) masih ditutup dan dipantau. "Bagi Pendang Lake Resort, kita hanya tutup kawasan tasik sahaja. Semua aktiviti yang tidak melibatkan kawasan tasik, dibenarkan," katanya. Beliau berkata tiada kes baru dilaporkan di kelima-lima pusat rekreasi itu. - BERNAMA

8 Oktober 2010 (Jumaat)**Projek RM47.7b dimaju****Oleh THOMAS CHONG pengarang@utusan.com.my**

PUTRAJAYA 8 Okt. – 1Malaysia Development Bhd. (1MDB) hari ini menandatangani dua perjanjian kerjasama dengan Mubadala Development Company (Mubadala) dari Abu Dhabi bagi pelaksanaan dua projek utama membabitkan nilai RM47.7 bilion. Kerjasama strategik tersebut melibatkan pembangunan Daerah Kewangan Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIFD) yang dianggarkan menelan kos melebihi RM26 bilion. Projek kedua pula membabitkan pelaburan Mubadala sebanyak RM21.7 bilion dalam projek jangka panjang Koridor Tenaga Diperbaharui (Score). Datuk Seri Najib Tun Razak yang menyaksikan majlis itu di sini berkata, LIFD yang akan dibangunkan mulai pertengahan tahun depan merupakan rancangan yang amat penting untuk membangunkan sektor kewangan dinamik dan berdaya saing di peringkat global. Menurut Perdana Menteri, pelaburan berkenaan diyakini dapat memperhebatkan pertumbuhan ekonomi, menarik kemasukan pelaburan asing dan menghasilkan lebih banyak peluang pekerjaan.

"KLIFD merupakan pembangunan hartanah seluas 34 hektar yang akan mengumpulkan entiti perbankan dan kewangan yang penting. "Konsepnya ialah supaya institusi pengawal atur, bank utama dan firma perkhidmatan profesional termasuk pakar syariah diletakkan secara bersama. "Kita mengajak dan menggalakkan komuniti tempatan dan antarabangsa bekerjasama dengan kita untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat kewangan global. Kita gembira apabila Mubadala menyahut seruan ini," katanya. Beliau berucap pada majlis menandatangani perjanjian kerjasama antara 1MDB dengan Mubadala itu di Bangunan Putra Perdana di sini. Perjanjian tersebut ditandatangani oleh Ketua Pegawai Operasi Mubadala, Waleed Al Mokarrab Al Muhairi dan Ketua Pegawai Eksekutif 1MDB, Shahrol Halmi. Najib berkata, Mubadala pada masa yang sama turut bersetuju menyertai Score iaitu satu projek yang akan mewujudkan 12,000 peluang pekerjaan. "Aktiviti yang dijalankan dijangka mencernakan 10,000 peluang pekerjaan semasa pembinaan dan 2,000 lagi peluang pekerjaan dalam bidang kepakaran. "Projek-projek dalam Score yang diketuai 1MDB akan diumumkan dalam masa terdekat," katanya. Dalam pada itu, Najib berkata, beliau gembira dengan keyakinan Mubadala terhadap potensi ekonomi Malaysia dan 1MDB.

"Sebagai Pengerusi Lembaga Penasihat 1MDB, saya gembira bahawa 1MDB telah mencatatkan keuntungan bersih RM425 juta pada tahun kewangan suku pertama yang berakhir 31 Mac 2010. "Kedudukan kewangan ini menunjukkan tadbir urus syarikat yang kuat dalam usahanya untuk melahirkan lebih banyak sumber pertumbuhan dan idea yang baru," katanya. Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Mubadala, Khaldoon Khalifa Al Mubarak menaruh keyakinan KLIFD berpotensi membawa ibu negara Malaysia bersaing dengan pusat kewangan global yang lain. "Kami di Abu Dhabi yakin bahawa inisiatif yang diambil akan menghasilkan ekonomi Malaysia yang mempunyai daya saing tinggi. "Kami kagum dengan keberanian dan keazaman Perdana Menteri Malaysia untuk meletakkan negaranya pada tahap yang tinggi dalam ekonomi global," katanya

8 Oktober 2010 (Jumaat)

Perak negeri pertama ada perisian pengurusan PAC

IPOH 8 Okt. - Perak bakal menjadi negeri pertama mempunyai perisian pengurusan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri (PAC) apabila kajian mengenainya siap akhir tahun ini. Pengerusinya, Datuk Seri Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar berkata, perisian Penilaian Ukuran Pengetahuan PAC (PAC KEY) itu akan menjadi panduan bukan sahaja kepada PAC negeri tetapi PAC di seluruh negara. Menurut beliau, perisian hasil penyelidikan oleh Pensyarah Kanan Kolej Perniagaan Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk kajian doktor falsafah itu juga akan menjadi kunci penambahbaikan kepada PAC Perak. "Belum ada kajian dibuat oleh mana-mana universiti mengenai PAC dan Perak menjadi negeri pertama yang terpilih untuk dibuat kajian. Dengan adanya perisian ini kita akan dapat menyiapkan laporan-laporan terkini audit kewangan negeri sebelum dibentangkan pada sidang Dewan Undangan Negeri (DUN)," katanya. Beliau berkata demikian selepas mempengerusikan mesyuarat PAC Perak di sini hari ini. Perisian PAC KEY dicipta oleh Pensyarah Kanan Kolej Perniagaan, UUM, Rose Shamsiah Samsudin untuk kajian 'Fungsi PAC Dalam Menyemak dan Melapor ke Atas Penyata Kewangan Negeri Yang Telah Diaudit'. Menurut Rose Shamsiah, PAC Perak dipilih kerana jawatankuasa itu berjaya membentangkan laporan audit kewangan negeri dari 2002 hingga 2007 pada sidang DUN baru-baru ini. "Kebanyakan PAC negeri sering gagal atau lambat menyiapkan laporan audit kewangan. Maklumat yang dibentangkan pada sidang DUN biasanya sudah lapuk. "Tetapi PAC Perak berjaya menyiapkan dan membentangkan laporan yang agak baru.

Jadi PAC Perak dipilih untuk kajian ini dan kita mencipta perisian yang bakal menjadi panduan kepada semua PAC," katanya. Dalam perkembangan lain, Raja Ahmad Zainuddin memberi amaran kepada ketua-ketua jabatan dan agensi kerajaan di negeri ini supaya memaklumkan segera kepada Setiausaha Kerajaan Negeri jika gagal menghadirkan diri ke mesyuarat PAC. Tegas beliau, PAC memandang serius perkara tersebut kerana ia mengganggu kelancaran proses mengaudit serta kesukaran mendapat maklum balas. Menurutnya, tindakan itu juga diibaratkan sebagai tidak menghormati jawatankuasa tersebut sekali gus mengganggu proses berurusan dengan jabatan atau agensi berkaitan. "Sekiranya mana-mana ketua jabatan tidak datang, maknanya dia tidak menghormati jawatankuasa serta jawatannya. Dia tidak bertanggungjawab. "Kita panggil bukan untuk menghukum tetapi untuk meningkatkan Petunjuk Prestasi Utama (KPI). Jadi kalau kita panggil, ketua jabatan itu mesti datang kecuali dia ada masalah yang tidak dapat dielakkan tetapi perlu maklumkan lebih awal," katanya.

8 Oktober 2010 (Jumaat)

Sisa kayu penuhi Sungai Rajang, bot tersekat



HIMPUNAN kayu yang dihanyutkan arus dari Hulu Baleh di Sungai Rajang, Kapit, Sarawak, kelmarin, menyebabkan pengangkutan air tidak boleh digunakan. - GAMBAR IHSAN SIN CHEW

KAPIT 8 Okt. - Ribuan balak yang dibuang, sisa-sisa kayu serta pokok terapung memenuhi Sungai Rajang sejak semalam menyebabkan ia tidak dapat dilalui oleh semua jenis bot. Balak serta sisa-sisa kayu berkenaan yang hanyut ke Sibu sejauh 176 kilometer dari sini turut menyebabkan laluan Sungai Rajang di bandar raya berkenaan tidak dapat dilalui oleh bot. Situasi mencemaskan yang pertama kali berlaku itu menyebabkan beratus-ratus penduduk gelisah kerana ia menyebabkan laluan utama pengangkutan air ke pekan ini terputus sejak pukul 2 petang semalam. Penduduk mendakwa sisa-sisa berkenaan datang dari kawasan hulu Sungai Baleh dan Sungai Mujong dekat sini yang mungkin disebabkan oleh beberapa faktor seperti hujan lebat tanpa henti di hulu sungai serta penerokaan hutan disebabkan aktiviti pembalakan yang berleluasa selain aktiviti pertanian. Seorang pengusaha bot ekspres yang beroperasi dari pekan ini ke Putai di Hulu Baleh, Michael Turan memberitahu, semua bot ekspres yang bertolak dari pekan ini ke Nanga Gaat dan Putai pada tengah hari semalam terpaksa berpatah balik ekoran laluan sungai yang langsung tidak dapat dilalui.

Malah, katanya, sepasukan lima anggota bomba yang sepatutnya berlepas ke Putai bagi melakukan gerakan mencari dan menyelamatkan mangsa yang dilaporkan hilang di kawasan itu terpaksa berpatah balik kerana laluan sungai yang berbahaya dan tidak dapat dilalui bot. Tambahnya, beberapa bot ekspres yang bertolak dari Sibu ke Kapit terpaksa memperlahankan kelajuan dengan menyusur berhampiran tebing sungai untuk mengelak terlanggar balak dan kayu. Bekas Yang Dipertua Majlis Daerah Kapit, Joseph Jinggut pula memberitahu, beliau tidak pernah melihat kejadian seumpama itu berlaku sebelum ini. Menurut beliau, sewaktu dalam perjalanan dari Sibu ke sini, bot ekspres yang dinaikinya hampir terperangkap di kawasan Dermaga Beltih. Pada masa sama, Ahli Parlimen Kapit, Datuk Alexander Nanta Linggi yang menaiki sebuah lagi bot ekspres juga dari Sibu hampir terperangkap di antara himpunan balak dan sisa kayu yang hanyut. Sementara itu, di Sibu, *Bernama* melaporkan Kerajaan Sarawak akan mengadakan siasatan menyeluruh berhubung keadaan yang membimbangkan itu.

"Kami perlu mengenal pasti puncanya, tetapi jika ada bukti yang menunjukkan bahawa ia diakibatkan oleh faktor manusia, tindakan tegas akan diambil terhadap pelakunya," kata Menteri Alam Sekitar dan Kesihatan Awam Sarawak, Datuk Seri Wong Soon Koh. Sungai Rajang, sungai terpanjang di negara ini iaitu 563 kilometer dari puncanya, tidak boleh dilalui oleh semua bot, sama ada besar atau kecil, sejak tengah hari ini. Soon Koh yang melihat keadaan itu dari Terminal Bot Ekspres Kapit menggambarkan keadaan itu sebagai 'bencana alam semula jadi secara besar-besaran'. "Saya dimaklumkan di Kapit semalam bahawa sisa-sisa itu terapung sejauh kira-kira 50 kilometer. Keadaan ini masih berterusan di Kapit hari ini sungguhpun berlaku dalam bahagian dan ukuran yang lebih kecil," katanya. Soon Koh berkata, beliau dimaklumkan bahawa terdapat tanah runtuh besar-besaran di Putai dan Nungun iaitu kawasan konsesi pembalakan di Baleh di pedalaman Bahagian Kapit ekoran hujan lebat sejak beberapa hari lalu.

Bagaimanapun, katanya, beliau masih menunggu laporan terperinci daripada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar negeri. Soon Koh berkata, keadaan itu belum pernah dilihat atau dialami sebelum ini dan ia agak menakutkan. "Apabila keadaan semakin pulih dan terdapat laluan yang boleh digunakan di sepanjang sungai, pasukan Jabatan Kerja Raya dan Lembaga Sungai-Sungai Sarawak akan memeriksa Jambatan Durin serta Lanang untuk mengeluarkan apa jua sisa yang mungkin terperangkap pada asas jambatan di sungai itu," katanya. Sementara itu, bas ekspres dan kenderaan air lain yang mempunyai jadual perjalanan di sebelah tengah hari ke Kapit terpaksa menangguhkan perjalanan mereka. Mereka yang berlepas pagi ini pula terpaksa singgah di tempat yang selamat sepanjang laluan itu

8 Oktober 2010 (Jumaat)

Forum - Laman web agensi kerajaan guna B. Inggeris

SAYA amat tertarik dengan saranan Timbalan Perdana Menteri tentang usaha memartabatkan bahasa Melayu di sektor swasta terutamanya pada papan-papan iklan dan sebagainya. Memang hasrat beliau tersebut amat murni dan sepatutnya telah lama dulu dikuatkuasakan. Cumanya saya amat musykil dengan tahap penggunaan bahasa Melayu di sektor kerajaan sendiri, terutama di laman-laman web agensi-agensi kerajaan yang menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya sebagai bahasa pengantar laman web mereka. Cuba kita buka laman web Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Petronas dan lain-lain lagi sebagai contoh yang agaknya merasakan mereka sudah terlalu global sifatnya dan tidak sesuai lagi menggunakan bahasa Melayu. Sepatutnya laman-laman web jabatan/agensi kerajaan mestilah mengutamakan bahasa Melayu terlebih dahulu dengan pilihan dwibahasa dalam bahasa Inggeris bagi yang tidak memahami.

Ada juga yang menyediakan pilihan dwibahasa tetapi masih mengutamakan bahasa Inggeris sebagai pilihan pertama apabila web-web mereka dibuka. Saya percaya banyak lagi laman-laman web agensi kerajaan dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan yang turut berkeadaan seperti ini. Di manakah kedudukan dan martabat bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan Bahasa Rasmi Negara Malaysia dalam keadaan ini? Bagaimanakah hendak memperkasakan penggunaan Bahasa Melayu di sektor swasta jika agensi/badan kerajaan sendiri mengabaikannya.

Syed Ahmad Damansara, Kuala Lumpur.

13 Oktober 2010 (Rabu)

Parlimen - Kertas lulus balak dijual kepada pihak ketiga

KUALA LUMPUR 13 Okt. - Ahli Parlimen Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali mendedahkan berlaku penyelewengan dalam pengagihan konsesi balak di Kelantan apabila ada pihak yang dianugerahkan kawasan pembalakan menjual kertas kelulusan kepada pihak ketiga. Beliau berkata, tindakan itu membolehkan pihak berkenaan mendapat keuntungan sehingga RM250,000 bagi setiap kawasan seluas 20 hingga 50 hektar walaupun lokasi pembalakan masih belum diketahui. "Begitulah nilai balak di Kelantan. Banyak kawasan sudah diluluskan kononnya untuk projek pembangunan dan pertanian. "Mereka tebang balak tetapi tidak membangunkan kawasan itu untuk projek pertanian yang dijanjikan," katanya ketika membahaskan Rang Undang-Undang Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2010 di Dewan Rakyat hari ini.

Ibrahim mencadangkan supaya Kerajaan Pusat mengkaji semula undang-undang pembalakan sedia ada termasuk terlibat sama dalam aktiviti jawatankuasa kelulusan pembalakan yang diwujudkan oleh setiap kerajaan negeri. Katanya, langkah itu bagi memastikan tidak berlaku penyelewengan dalam proses kelulusan kawasan dan pengambilan balak serta mengatasi masalah kecurian balak. "Saya kira sudah sampai masanya undang-undang sedia ada dikaji balik. Walaupun pembalakan ini tanggungjawab kerajaan negeri, kita perlu pinda undang-undang supaya kerajaan Pusat turut mempunyai kuasa dalam jawatankuasa yang meluluskan kawasan balak. "Sama ada kerajaan Pusat atau kementerian mahupun lembaga tertentu perlu ada sama dalam jawatankuasa kelulusan di setiap negeri," katanya. Menurut Ibrahim, langkah itu juga bagi menjamin proses kelulusan kawasan pembalakan di setiap negeri dilakukan dengan telus.

13 Oktober 2010 (Rabu)

Malaysia hab teknologi hijau

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD pengarang@utusan.com.my



Najib Tun Razak mengecas kereta Exora Hybrid sambil diperhatikan Peter Chin Fah Kui dan Izhar Mohd. Nor semasa melawat Pameran Greentech di KLCC, Kuala Lumpur, semalam.

KUALA LUMPUR 13 Okt. - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bertekad mahu menjadikan Malaysia sebagai hab perindustrian berasaskan teknologi hijau di rantau ini dalam tempoh 10 tahun lagi. Menurutnya, ia tidak mustahil dicapai kerana kerajaan telah memulakan usaha itu melalui pelbagai dasar termasuk memperkenalkan insentif-insentif yang boleh merangsangkan peningkatan industri teknologi hijau di negara ini. Kata beliau, antaranya adalah langkah kerajaan menumpukan kepada usaha memajukan industri tenaga hijau khususnya menghasilkan tenaga solar. "Hasil kesungguhan kerajaan ini, jumlah pelaburan dalam industri berkenaan telah mencecah lebih RM12 bilion (AS\$4 bilion) dan ia melibatkan pelaburan langsung asing (FDI). "Pelaburan itu secara spesifik membabitkan industri menghasilkan fotovoltai solar," katanya ketika merasmikan Pameran dan Persidangan Antarabangsa Teknologi Hijau dan Produk Eko (IGEM2010) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) di sini hari ini.

Turut hadir Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter Chin Fah Kui; timbalannya, Noriah Kasnon dan Presiden Green Purchasing Network Malaysia (GPNM) yang juga penganjur bersama IGEM2010, Tan Sri Mustafa Mansur. IGEM2010 akan berlangsung selama empat hari bermula esok hingga 17 Oktober di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Najib dalam ucapannya turut menyentuh mengenai kemampuan negara menyediakan pekerja mahir dalam bidang itu yang disifatkan salah satu faktor penarik syarikat luar negara untuk melabur di Malaysia. "Walau apa pun, saya percaya kita mempunyai kemampuan meningkatkan jumlah pelaburan sedia ada dengan membawa masuk syarikat-syarikat lebih besar dalam bidang industri tenaga hijau dengan syarat tawaran insentif kita perlu lebih hebat. "Bagi saya, selain komitmen kerajaan, kejayaan untuk meningkatkan lagi pelaburan dalam industri ini turut membabitkan kerjasama serta sumbangan daripada institusi-institusi akademik," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, segala masalah melibatkan kemapanan persekitaran tidak boleh dilihat sebagai isu terpinggir sebaliknya perlu ditangani secara holistik dan komprehensif. Mengenai isu pemanasan global, beliau berkata, ia memerlukan kerjasama semua negara dalam usaha mencari satu jalan penyelesaian yang konkrit. "Apabila kita bercakap mengenai pemanasan global, polisi untuk mengatasi masalah itu bagi sesebuah negara tidak akan tercapai sepenuhnya jika negara lain tidak seiring. "Sememangnya konsensus antarabangsa untuk mengatasi isu pemanasan global merupakan satu cabaran tetapi saya yakin melalui komitmen, kerjasama dan kesungguhan, kita akan mencapai apa yang dihasratkan selama ini," katanya.

15 Oktober 2010 (Jumaat)

IWK: RM450j bil pmbetungan tertunggak

KUALA LUMPUR 15 Okt. - Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK), syarikat pmbetungan nasional milik Menteri Kewangan DiPerbadankan, menyeru para pengguna menjelaskan bil pmbetungan tertunggak yang kini mencecah RM450 juta untuk membolehkannya memberikan perkhidmatan dengan lebih baik. "Kerajaan memberikan subsidi yang begitu tinggi kepada rakyat dan kesedaran rakyat amat diperlukan bagi menolong IWK menjalankan operasi dengan lebih lancar," kata Ketua Pegawai Eksekutif IWK, Ir. Abdul Kadir Mohd Din. Katanya, kos operasi yang semakin tinggi setiap tahun dan IWK tidak mampu menjalankan tugas mereka dengan hanya bersandarkan kepada bayaran bil yang dikenakan kepada pengguna. "Walaupun caj perkhidmatan yang dikenakan oleh IWK kepada pengguna amatlah minimum iaitu 27 sen sehari atau RM8 sebulan dan bersamaan RM96 setahun, tetapi masih ramai yang gagal untuk menjelaskan bil tertunggak yang telah terkumpul dari 1997," katanya selepas majlis memeterai perjanjian pajakan tanah rizab sistem pmbetungan awam di antara IWK dan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di sini hari ini.

Oleh yang demikian, katanya, IWK amat mengharapkan agar pengguna yang menikmati kemudahan sistem pembentungan dapat menjelaskan bayaran perkhidmatan demi memelihara kebersihan alam sekitar, melindungi sumber air dan melindungi kesihatan awam. Bagaimanapun katanya, kutipan bayaran pmbetungan telah meningkat sebanyak 80 peratus berbanding 30 peratus pada 1994 ekoran pelbagai kempen kesedaran yang dijalankan oleh syarikat. Setakat ini pendapatan IWK hanyalah daripada kutipan bil pmbetungan dan sumber ini tidak cukup bagi menampung kos-kos operasi yang makin meningkat, katanya. Ditanya berapakah kadar bayaran perkhidmatan yang sewajarnya dikenakan oleh IWK kepada pengguna, Abdul Kadir berkata, untuk pulang modal IWK perlu mengenakan bayaran sebanyak RM18 bagi setiap rumah.

Abdul Kadir berkata, IWK juga sedang berusaha untuk mengurangkan subsidi yang diberikan oleh kerajaan dan sedang berbincang untuk menaikkan kadar bayaran perkhidmatan yang dikenakan. "Sehingga September 2010, IWK mengendali dan menyelenggarakan 6,358 loji olahan kumbahan awam termasuk stesen pam dan lebih 14,213 kilometer rangkaian saliran paip pemetungan," katanya. Sementara itu, Perjanjian Pajakan yang ditandatangani pada hari ini, katanya adalah untuk kumpulan pertama melibatkan sejumlah 1,384 buah tapak sistem pemetungan awam di semua negeri merupakan usaha IWK ke arah memastikan perkhidmatan pemetungan yang lebih efisien. Pajakan tanah adalah untuk tempoh sehingga 31 Disember 2034 dan dijalankan secara berperingkat. Katanya lagi, sejumlah 80 buah tapak rizab sistem pemetungan awam di Kuala Lumpur sedang di dalam proses mendapatkan kebenaran Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bagi membolehkannya dikemukakan kepada Jabatan Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk pajakan kepada IWK. Perjanjian turut dimeterai oleh Datuk Abdul Halim Ain, Pesuruhjaya Tanah Persekutuan, juga Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan. – Bernama.

15 Oktober 2010 (Jumaat)

Perkasa modal insan, kualiti akademik IPT

KUALA LUMPUR 15 Okt. – Peruntukan sebanyak RM10.2 bilion dalam bajet 2011 untuk belanja pengurusan Kementerian Pengajian Tinggi akan memperkasa modal insan dan kualiti akademik institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan. Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata, pihak kementerian melihat Bajet 2011 sebagai bajet yang memperkasa dan memperkukuhkan lagi usaha dan peranan kementerian tersebut khususnya dalam menjana pembangunan modal insan. "Langkah ini menunjukkan komitmen tinggi kerajaan dalam menyediakan dan menjana modal insan yang berkualiti untuk kemajuan negara. "Penambahan peruntukan sebanyak RM1.2 bilion kepada RM10.2 bilion itu juga akan menggalakkan pemantapan kualiti kepada tenaga ahli akademik di IPT dengan pemberian peruntukan sebanyak RM20 juta untuk menambahkan peratusan kelulusan Sarjana Kedoktoran (PhD).

"Pemantapan kualiti turut dilihat menambah baik peluang kenaikan pangkat pensyarah IPT awam dan membolehkan mereka dipertimbangkan untuk kenaikan pangkat ke peringkat tertinggi gred terus," katanya dalam kenyataan akhbar di sini. Beliau berkata demikian ketika mengulas langkah menyusun semula dan memperkukuhkan aspek pendidikan dan latihan yang diumumkan Datuk Seri Najib Tun Razak dalam pembentangan Bajet 2011 di Dewan Rakyat, hari ini. Perdana Menteri mengumumkan peruntukan belanja mengurus sebanyak RM10.2 bilion untuk Kementerian Pengajian Tinggi, RM29.3 bilion untuk Kementerian Pelajaran dan RM627 juta untuk Kementerian Sumber Manusia untuk tujuan tersebut.

16 Oktober 2010 (Sabtu)

Gerakkan segera Majlis Konsultasi Gaji Negara

KUALA LUMPUR 16 Okt. - Kerajaan harus menyegerakan penubuhan Majlis Konsultasi Gaji Negara yang diumumkan dalam Bajet 2011 semalam bagi memutuskan dasar gaji minimum. Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), **Syed Shahir Syed Mohamud** berkata, tindakan yang cepat wajar diambil kerana isu kadar penetapan gaji minimum telah berlarutan terlalu lama. "Majlis itu nanti akan menjadi platform utama bagi penetapan gaji dan diharap majlis tersebut akan menjalankan tanggungjawabnya dengan secepat mungkin.

"Saya juga berharap selepas penubuhan majlis ini, pekerja tidak perlu menunggu bertahun-tahun lagi untuk mengetahui ketetapan dasar gaji minimum," katanya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia* di sini, hari ini. Beliau mengulas pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika membentangkan Bajet 2011 di Dewan Rakyat semalam mengenai penubuhan Majlis Konsultasi Gaji Negara yang menjadi platform utama dalam penetapan gaji minimum. Perdana Menteri berkata, majlis tersebut akan dianggotai oleh majikan, kesatuan pekerja, kumpulan pekerja tanpa persatuan, agensi kerajaan, ahli akademik, wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan individu tertentu, manakala Kementerian Sumber Manusia akan bertindak sebagai sekretariat. Sementara itu, Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), **Omar Osman** berkata, pihaknya menyambut baik pengumuman itu dan berharap majlis tersebut akan melaksanakan dengan segera tindakan yang sepatutnya bagi menetapkan dasar gaji minimum pekerja. "Penubuhan majlis itu akan membantu para pekerja mendapatkan keputusan yang rasmi dan tepat daripada kerajaan selain menjadi tempat untuk semua pihak berbincang mengenai isu kadar penetapan gaji minimum," katanya.

17 Oktober 2010 (Ahad)

Rencana- Apa sudah jadi dengan kualiti jalan raya kita?

SUDAH terlalu banyak aduan dibuat. Sekian banyak laporan mengenainya dipaparkan menerusi media. Orang ramai juga sudah tidak berupaya menggeleng kepala dan mengeluh namun semuanya seperti mencurahkan air di daun keladi. Isunya ialah tentang kualiti jalan raya di Lembah Klang terutama di ibu negara. Entah mengapa sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kualiti jalan raya kita merudum. Banyak jalan raya mengalami kerosakan. Berlubang, lekuk, terbonjol, tidak rata atau compang-camping dan tidak diselenggara dengan baik. Susurilah jalan di Kuala Lumpur, Petaling Jaya, sebahagian Shah Alam dan banyak lagi kawasan di Lembah Klang, anda boleh nilai sendiri keadaannya. Itu belum mengambil kira jalan di sekitar taman-taman perumahan, yang lebih menjengkelkan. Bukan sedikit kes nahas motosikal akibat jalan rosak dan berlubang. Bukan kecil juga tekanan yang dihadapi oleh orang ramai. Ini termasuk kos penyelenggaraan untuk kenderaan semakin tinggi kerana asyik mengalami hentakan kuat. Isu kualiti jalan ini sudah menjadi bahan momokan dan sinikal orang ramai. Sampai ada yang berkempen gunakan sahaja kenderaan pacuan empat roda di Lembah Klang, pasti perasaan anda lebih tenang. Agaknya kita lebih suka mendongak di atas (bangunan pencakar langit) tetapi mengabaikan di bawah (hal-hal yang lebih asas). Sedangkan untuk melihat kehebatan sesebuah bandar raya, lihatlah dahulu jalan rayanya. Itu juga cerminan imej sesebuah negara. Bukan itu sahaja, ramai yang membuat perbandingan kualiti jalan kita dengan negara jiran seperti Indonesia dan Thailand, yang kini jauh lebih baik. Suatu ketika dulu, kualiti jalan raya Malaysia menjadi contoh bagi banyak negara serantau.

Yang lebih menjadi persoalan ialah kerja-kerja penurapan semula jalan oleh kontraktor. Biasanya tidak sempurna, seolah-olah seperti tiada pemantauan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT). Lalu tersemat banyak soalan di kepala Awang. Apa yang tidak kena, mengapa jadi begitu, apakah kita sudah tidak tahu menurap permukaan jalan setelah setengah abad merdeka dan apakah kita tidak lagi cekap mengurus jalan raya? Apakah ada unsur rasuah, mungkinkah PBT mengambil mudah aspek kualiti jalan di laluan rakyat dan hanya mengutamakan lalu VIP atau orang kenamaan? Berapa banyak pula wang yang telah dihabiskan hanya untuk melakukan kerja-kerja penurapan yang sama dan berulang kali di tempat yang kerap rosak jalan rayanya? Apakah ada konspirasi pihak tertentu dalam PBT dengan kontraktor jalan raya untuk sengaja menurap jalan secara sambil lewa agar dapat melakukannya banyak kali dan mengaut untung berlebihan?

Bagaimana pula penguatkuasaan kita sehingga lori simen boleh berulang kali mengotorkan jalan dengan limpahan bancuhan simen? Agak aneh jika PBT tidak efisien, sedangkan mereka amat proaktif dalam mengutip cukai dan mengenakan kompaun. Lagi persoalan yang berlegar, apa yang pihak berkenaan termasuk Datuk Bandar dan Yang Dipertua Majlis lakukan? Tidakkah mereka sensitif kepada persekitaran? Sedarkah bahawa PBT yang sebenarnya merosakkan imej kerajaan di mata rakyat. Inilah juga soalan-soalan yang spontan keluar daripada mulut orang ramai, yang sangat kecewa dengan kisah kualiti jalan raya di Lembah Klang. Di sebalik kesungguhan untuk menjadi negara maju, kualiti jalan raya kita hanya bertaraf kelas tiga. Itulah realitinya.

18 Oktober 2010 (Isnin)

Kerajaan lulus peruntukan tambahan RM147j bina Kompleks Istana Negara

KUALA LUMPUR 18 Okt. – Kerajaan bersetuju meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM147 juta bagi menampung kos-kos yang tidak termasuk dalam kontrak asal untuk pembinaan Kompleks Istana Negara yang baru di Jalan Duta. Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Shaziman Abu Mansor berkata, jumlah itu menjadikan kos keseluruhan pembinaan bangunan itu sebanyak RM797 juta. “Kos tambahan itu adalah untuk meningkatkan sistem kawalan keselamatan, bayaran sumbangan modal kepada syarikat-syarikat utiliti dan lain-lain kos berkaitan termasuk hiasan dalaman,” katanya dalam jawapan bertulis bagi pertanyaan yang dikemukakan Lim Lip Eng (DAP-Segambut) di Dewan Rakyat hari ini. Katanya, kos asal yang ditetapkan bagi membina Istana Negara itu adalah sebanyak RM650 juta tetapi ia tidak melibatkan beberapa skop komponen projek yang sepatutnya diambil kira untuk melengkapkan keseluruhan istana tersebut. Dalam pada itu, beliau berkata, pembinaan kompleks itu juga memerlukan jalan akses yang sempurna dan dalam konteks itu, kos kontrak bagi pembinaan jalan susur keluar masuk ke kawasan telah ditetapkan kerajaan. “Persimpangan Bertingkat Istana Negara dari Jalan Duta ditetapkan berjumlah RM106 juta iaitu penjimatan berbanding anggaran kos asal sebanyak RM130 juta dan RM32.5 juta bagi kos menaik taraf Jalan Changkat Semantan,” katanya. Katanya, kos operasi dan pengurusan kompleks itu akan ditentukan setelah keseluruhan projek tersebut siap sepenuhnya pada 30 Jun 2011.

18 Oktober 2010 (Isnin)

Korporat - Pelaburan ketiga Ekuinas RM206j

Oleh WAN NAJIB WAN DAUDnajib.daud@utusan.com.my



Abdul Rahman Ahmad (kanan) menjawab soalan pemberita mengenai pembelian Konsortium Logistik Bhd. di Kuala Lumpur, semalam. Hadir pada sidang akhbar Ekuinas ialah Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda.

PETALING JAYA 18 Okt. – Ekuiti Nasional Berhad (Ekuinas) telah memeterai perjanjian untuk memiliki 56.5 peratus pegangan di dalam Konsortium Logistik Bhd. (KLB) pada harga RM206.6 juta. Cadangan perolehan akan dilaksanakan pada harga RM1.55 sesaham dan akan melibatkan Tawaran Awam Mandatori (MGO) yang dibuka kepada semua pemegang saham syarikat tersebut.

Ekuinas akan membeli 56.6 peratus saham di dalam KLB daripada Dream Hectares Sdn. Bhd., yang dikuasai oleh Pengarah Eksekutif KLB iaitu Che Azizuddin Che Ismail dan Zulkifli Sarkam, Naib Presiden Eksekutif dan pengarah kanan KLB, Looi Hooi Keat dan dari para pemegang saham lain. "Selepas Ekuinas menguasai KLB, Che Azizuddin dan Zulkifli akan kekal di dalam pengurusan manakala Hooi Keat telah mengumumkan pengundurannya bagi menumpukan kepada perniagaan lain," kata Ketua Pegawai Eksekutif Ekuinas, Datuk Abdul Rahman Ahmad dalam satu sidang akhbar hari ini. Turut hadir ialah Pengerusi Ekuinas, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda. Keputusan menguasai KLB merupakan pelaburan ketiga yang dilakukan oleh Ekuinas setakat ini selepas pelaburan ke atas Alliance Cosmetic Group sebanyak RM40 juta dengan penguasaan 20 peratus dan yang terbaru ialah di dalam penyedia penyelesaian menyeluruh minyak dan gas (O&G) Malaysia, Tanjung Offshore sebanyak RM73.4 juta dengan penguasaan 24 peratus.

Menurut Abdul Rahman, cadangan pelaburan di dalam sektor logistik adalah bagi membuka jalan Ekuinas untuk meneroka ke pasaran berpotensi besar selain penting dalam penjanaaan pertumbuhan ekonomi negara. Katanya, KLB telah menunjukkan potensi yang baik sebagaimana yang dicatatkan bagi laporan kewangan pertengahan tahun sehingga 30 Jun lalu di mana mencatatkan pendapatan RM151.8 juta dengan keuntungan selepas cukai RM22.8 juta. Ujarnya, pelaburan ke atas KLB telah memenuhi salah satu daripada objektif pelaburan utama Ekuinas iaitu membantu perniagaan Bumiputera tempatan yang mempunyai potensi. "Kami percaya dengan potensi jangka panjang KLB dan berharap untuk turut serta dalam pertumbuhan syarikat," jelasnya. Abdul Rahman berkata, Ekuinas kini sedang mengintai tiga lagi sektor yang masih berpeluang untuk diteroka iaitu peruncitan, perkhidmatan dan pendidikan.

18 Oktober 2010 (Isnin)

Ekonomi - Kerajaan mungkin urus dana pencen swasta?

KUALA LUMPUR 18 Okt. - Kerajaan mungkin menguruskan Dana Pencen Swasta tetapi akan menunggu maklum balas terhadap dana yang dicadangkan di bawah Bajet 2011, kata Timbalan Menteri Kewangan Datuk Donald Lim Siang Chai. "Ideanya sebenarnya ialah untuk membolehkan lebih ramai lagi mencarum," kata beliau kepada pemberita selepas taklimat media mengenai Forum Ekonomi Bio-Herba Global ke-4 2010. Ditanya mengenai pengecualian cukai untuk dana berkenaan, Siang Chai berkata, cadangan itu telahpun dikemukakan kepada kerajaan untuk dipertimbangkan. "Kerajaan mengalu-alukan idea dan cadangan yang relevan," kata beliau. Mengenai forum yang akan dianjurkan itu, Siang Chai berkata, kerajaan serius untuk mempromosikan industri bio-herba. Beliau berkata, Kementerian Pendidikan Tinggi telah meluluskan kursus ubat-ubatan China yang akan dikendalikan dalam bahasa Mandarin di Universiti Tun Abdul Razak. Beliau percaya China mempunyai pengalaman meluas untuk mengkomersialkan industri bio-herba dan meneruskannya, beliau berharap penawar untuk penyakit seperti denggi yang tidak boleh dirawat oleh perubatan moden boleh diperolehi menerusi perubatan bio-herba. Beliau berkata, ia merupakan misi penganjur forum untuk menjadikan Malaysia sebagai hab penyelidikan canggih untuk bioteknologi di rantau Asia Pasifik. Kira-kira 3,500 peserta dijangka menghadiri forum tiga hari yang bertemakan 'Membina Saluran Global, Mengemudi Ekonomi Herba' bermula pada 5 November di sini. Forum yang dimulakan oleh Malaysia, telah melebar ke negara-negara Asia yang lain seperti China, Filipina, Indonesia, Thailand, Singapura, Hong Kong, Taiwan dan Vietnam. Ia dianjurkan bersama oleh Easy Pha-max Marketing Sdn. Bhd., Hewo.com, Hopematic Sdn. Bhd., Platform2u.com Bhd., Green Beverly Hills dan Healthylifesoftware Sdn. Bhd. – Bernama.

18 Oktober 2010 (Isnin)

Dasar Pandang ke Timur dikaji semula

KUALA LUMPUR 18 Okt. - Malaysia bercadang mengkaji dan menyegarkan semula Dasar Pandang ke Timur sebagai usaha mencapai status negara berpendapatan tinggi dan meningkatkan hubungan dengan negara-negara di rantau itu. Ketua Setiusaha Kementerian Luar Datuk Mohd Radzi Abdul Rahman berkata, langkah kerajaan untuk mencapai status berkenaan telah mendapat sokongan baik dari negara-negara lain termasuk kerajaan Korea Selatan. "Kerajaan Korea telah menghulurkan sokongan yang amat diperlukan dan bantuan termasuk sokongan kewangan dan tempat untuk pelajar Malaysia mengikuti program latihan perindustrian dan teknologi," katanya dalam uapnama pada Kolokium Cendekiawan sempena sambutan ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik Malaysia-Korea Selatan di sini hari ini. Katanya, tumpuan penghantaran pelajar Malaysia bagi mengikuti kursus asas kejuruteraan di Korea harus diperluaskan termasuk kursus robotik sains nuklear dan pengkhususan lain. Mohd Radzi berkata, adalah penting untuk menghantar pelajar cemerlang untuk mengikuti pengajian tinggi dalam bidang sains kerana Korea Selatan merupakan antara negara utama dalam bidang penyelidikan. - BERNAMA

19 Oktober 2010 (Selasa)

WWF UK puji usaha Malaysia pulihara alam sekitar



Elizarberth Jackson (dua dari kanan) mendengar penerangan mengenai taman- taman herba di Sekolah Menengah Kebangsaan Lanchang, Temerloh, semalam.

TEMERLOH 19 Okt - Dana Hidupan Liar Sedunia (WWF) United Kingdom (UK) memuji usaha Malaysia menjalankan program pendidikan pemuliharaan alam sekitar di kalangan pelajar sekolah dan generasi muda. Ketua Bahagian Pendidikan WWF UK, Elizarberth Jackson berkata, usaha WWF Malaysia

mengadakan program dan kerjasama dengan beberapa sekolah menengah di seluruh negara wajar dicontohi pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berkaitan alam sekitar lain. Katanya, pendidikan alam sekitar perlu bermula di peringkat sekolah kerana mereka yang bakal mewarisi dan mencorakkan masa depan alam sekitar sesebuah negara. "Saya bangga dengan projek dan program yang dijalankan Malaysia apabila usaha itu akan menjadi contoh kepada semua pihak supaya sama-sama bertanggungjawab memelihara alam sekitar. "Tugas memelihara alam sekitar bukan hanya menjadi tanggungjawab sesetengah pihak sahaja seperti kerajaan, WWF dan NGO yang lain tetapi menjadi tanggungjawab semua penduduk di muka bumi ini," katanya. Beliau berkata demikian semasa melawat projek usahasama WWF Malaysia dengan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Lanchang, di sini hari ini. Hadir sama, Pengetua SMK Lanchang, Mohd. Jamri Md. Lela. Elizarberth menegaskan, adalah tidak wajar tanggungjawab memelihara alam sekitar dilaksanakan oleh kerajaan dan NGO seperti WWF sedangkan ada pihak lain pula rakus memusnahkan alam sekitar demi untuk mengaut keuntungan. Sementara itu, Mohd. Jamri memberitahu, matlamat pembinaan taman herba bertujuan mendedahkan pelajar mengenai kepentingan tumbuhan herba sama ada untuk alam sekitar dan keperluan ubat-ubatan. Katanya, melalui taman herba itu, pelajar dididik dari segi sejarah, cara penanaman, membina taman berasaskan pengetahuan botani dan pendedahan nama-nama saintifik tumbuhan berkenaan.

Sepanjang lawatan itu, beliau diberi penerangan oleh Mohd. Jamri mengenai taman herba dan kebun sayur organik di pekarangan sekolah berkenaan yang usahakan sejak 2006 dengan dibiayai oleh WWF Malaysia. Selain taman herba, Elizarberth dibawa melawat ternakan ikan patin dan tilapia yang ditenak dalam longkang simen yang dibuat khas bagi tujuan penternakan ikan air tawar. Elizarberth juga diberikan peluang berinteraksi dengan guru dan pelajar sekolah berkenaan. Selain SMK Lanchang, Elizarberth turut melawat tiga sekolah lagi yang menjalin kerjasama dengan WWF Malaysia iaitu di Putrajaya, Kulim, Kedah dan Kota Tinggi, Johor.

19 Oktober 2010 (Selasa)

Peruntukan RM30 juta ganti paip usang di Gugusan Felda Bera

Oleh ALI MAHMOOD utusanpahang@utusan.com.my

BERA 19 Okt. - Masalah bekalan air paip yang dihadapi oleh warga peneroka di beberapa tanah rancangan dalam Gugusan Felda Bera di sini sejak 20 tahun lalu akan berakhir tidak lama lagi apabila kerajaan meluluskan peruntukan RM30 juta untuk menangani masalah tersebut. Ahli Parlimen Bera, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, peruntukan tersebut bagi menaik taraf dan menggantikan paip usang yang sering bocor yang menyebabkan seramai 30,000 peneroka sering mengalami gangguan bekalan. Katanya, keutamaan akan diberikan kepada Felda Purun, Felda Mayam dan Felda Kumai. "Peruntukan tersebut bagi mengganti batang paip lama dan meningkatkan keupayaan loji bekalan air serta memasang *booster* di kawasan tekanan air rendah," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam. Ismail Sabri yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menjelaskan, tidak semua tanah rancangan Felda dalam gugusan Bera menghadapi gangguan bekalan air. Beliau berkata, peruntukan fasa pertama itu diluluskan hasil perjumpaan beliau dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak tiga minggu lalu. Katanya, Perdana Menteri prihatin masalah yang dihadapi peneroka Felda Bera dan bersedia menambah lagi peruntukan jika tidak mencukupi bagi memastikan warga peneroka dapat menjalani kehidupan dengan selesa.

"Prasarana dan kemudahan asas di tanah rancangan Felda kini semakin baik berbanding 20 tahun lalu apabila semua jalan yang sebelum ini tanah merah telah diturap dengan tar dan dibekalkan dengan air paip. "Kehidupan masyarakat meneroka yang semakin selesa menyebabkan banyak pihak cemburu sehingga marahkan kerajaan kerana tidak lagi membuka kawasan baru berbanding pada awal penubuhannya 50 tahun lalu apabila ramai yang tidak berminat dan menolak untuk menjadi peneroka," katanya. Tambahnya, pengurusan Felda kini diserang dan difitnah dengan pelbagai tohmahan seperti bankrap dan menipu oleh parti politik pembangkang kononnya mereka berjuang untuk membela nasib peneroka. Katanya, parti pembangkang berbuat demikian kerana menyedari terdapat aset yang begitu bernilai di tanah rancangan Felda terutama dari segi harta dan modal insan yang boleh mereka memanipulasikan untuk kepentingan politik.

20 Oktober 2010 (Rabu)

Inovasi ubah budaya jadi lebih efisien



Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur (tengah) diiringi Meme Zainal Rashid menyampaikan Anugerah Inovasi Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat 2010 kepada Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri Terengganu, Zuhami Omar di Bangi, Selangor, semalam

BANGI 20 Okt. – Inovasi dalam bidang pentadbiran dan pengurusan bukan sahaja dapat meningkatkan kecekapan dan menjimatkan masa bahkan mengubah budaya kepada lebih efisien dan produktif. Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Dr. Noorul Ainur Mohd. Nur berkata, imej negara maju terbentuk disebabkan kerancakan dan peningkatan inovasi dalam pentadbiran dan pengurusan. “Pengurusan yang berinovatif dapat mengubah pemikiran pekerja sekali gus meningkatkan produktiviti dan membawa imej baru kepada sesebuah organisasi. “Kelemahan dari segi pentadbiran dalam organisasi akan menyebabkan timbulnya masalah seperti rasuah, produktiviti yang rendah, pengurusan yang tidak cekap, pegawai yang angkuh dan tidak mampu menyelesaikan masalah dengan berkesan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Sambutan Hari Inovasi, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) 2010 di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Bangi di sini hari ini. Turut hadir Ketua Pengarah JKM, Datuk Meme Zainal Rashid. Sebanyak 14 kumpulan menyertai Pertandingan Anugerah Inovasi JKM itu yang dibahagikan kepada tujuh kategori. Anugerah Khas Inovasi dimenangi oleh JKM Negeri Kelantan manakala Anugerah Inovasi Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat pula berpihak kepada JKM Negeri Terengganu. Masing-masing membawa pulang RM2,500. Bagi kategori Pertandingan Inovasi pula, Rumah Kanak-Kanak Tengku Budriah, Cheras yang menghasilkan tab mandi bayi mudah alih muncul sebagai johan dan menggondol hadiah RM2,000.

20 Oktober 2010 (Rabu)

Naik taraf sekolah ikut keutamaan

KUALA LUMPUR 20 Okt. – Kementerian Pelajaran telah menjalankan audit terhadap 55,000 bangunan di 10,000 sekolah di seluruh negara untuk menentukan status infrastrukturnya dan akan menjalankan usaha baik pulih berdasarkan kerosakan yang dialami, kata Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin. Sambil memberi jaminan tidak berlaku pilih kasih dalam usaha ini, Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran berkata, kerajaan menyedari tentang keperluan untuk meningkatkan tahap infrastruktur dan prasarana pendidikan tanpa mengira lokasi dan jenis sekolah. “Kita ambil inisiatif buat audit, nilai setiap sekolah dan dah selesai pun. “Ini dapat pastikan keadaan sekolah itu sama ada perlu tindakan segera untuk kita laksanakan. Yang penting mesti diambil kira ialah tentang keperluan utama, tiada soal pilih kasih. “Saya beri jaminan kalau kita guna tanda aras audit yang disediakan, kita harap dalam tempoh beberapa tahun akan datang, sebahagian masalah utama yang kita hadapi di sekolah dapat diselesaikan,” katanya pada sesi soal jawab pada persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Muhyiddin berkata, demikian semasa menjawab soalan tambahan P. Kamalanathan (BN-Hulu Selangor) mengenai langkah kementerian dalam memastikan hanya sekolah yang mengalami kerosakan teruk dapat diutamakan serta sama ada terdapat jaminan supaya tiada soal pilih kasih dalam agihan peruntukan. Menjawab soalan asal Kamalanathan, beliau berkata, audit yang dijalankan itu mendapati tiga peratus daripada keseluruhan bangunan sekolah yang diperiksa mengalami kerosakan teruk dan memerlukan perhatian segera, manakala lima peratus bangunan sekolah sedia ada mengalami masalah pendawaian elektrik. Beliau juga berkata, bahawa pada tahun 2010 sahaja, sebanyak 564 projek pembekalan air bersih di sekolah luar bandar telah dilaksanakan dengan peruntukan RM197.7 juta manakala 641 projek bekalan elektrik ke sekolah luar bandar dilaksanakan dengan peruntukan RM1.87 bilion, termasuk 140 projek solar hibrid yang dilaksanakan dalam dua fasa sejak 2007. "Kemudahan asas ini akan terus diberi perhatian dalam Rancangan Malaysia ke-10 bagi memastikan semua sekolah mendapat bekalan air bersih serta bekalan elektrik yang sempurna," katanya.

Menjawab soalan tambahan Datuk Seri Anwar Ibrahim (PKR-Permatang Pauh) tentang kemungkinan kementerian meletakkan sasaran maksimum setahun untuk menyediakan prasarana asas di sekolah pedalaman, Muhyiddin berkata: "Kalau ada tongkat sakti, Insyallah boleh selesai dalam masa setahun. Tapi seperti juga kementerian lain, jumlah (peruntukan) tak cukup, perlu lebih besar. Justeru, prioriti mesti diberikan. "Kita akan bekerjasama dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah untuk bekal air di kawasan pedalaman. Saya yakin dalam tempoh lima tahun RMK-10 mungkin mampu selesaikan sebahagian besar masalah," katanya. Muhyiddin berkata, kementerian menyediakan siling peruntukan sebanyak RM8.85 bilion bagi melaksanakan projek pembangunan di bawah RMK-10, yang sebahagiannya akan digunakan untuk menyambung projek yang belum selesai di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan yang dianggarkan berjumlah RM5.36 bilion. Selebihnya merupakan peruntukan untuk projek baru yang akan diagih-agihkan untuk penambahbaikan, naik taraf bangunan, tambahan bangunan dan pembinaan sekolah baru, katanya. – BERNAMA

21 Oktober 2010 (Khamis)

Sweden, JKJR jalankan projek pemulihan kejuruteraan

KUALA LUMPUR 21 Okt. - Kedutaan Sweden dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) akan bekerjasama dalam melaksanakan projek pemulihan kejuruteraan di kawasan yang kerap berlaku kemalangan di negara ini. Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR), Datuk Suret Singh berkata, pihak kedutaan itu akan membiayai projek tersebut dan memberi sepenuh kepakaran mereka untuk menjayakannya. "Keuntungan yang bakal diperoleh ialah kawasan itu menjadi kurang risiko kemalangan," katanya pada sidang berita Kempen Advokasi Keselamatan Jalan Raya dan pelancaran awal Seminar Keselamatan Jalan Raya Antarabangsa Malaysia-Sweden Ketiga anjuran bersama JKJR dan Kedutaan Besar Sweden di sini, hari ini.

Suret berkata, ia akan dilakukan selepas seminar itu diadakan dari 8 hingga 11 November ini. Sementara itu, beliau mengingatkan pengguna jalan raya yang disenaraihitamkan supaya segera membayar saman mereka sebelum 28 Feb tahun depan. Kabinet, pada 11 Ogos lepas, memutuskan untuk menarik balik tindakan menyenarai hitam kesalahan di jalan raya buat sementara waktu bagi membolehkan orang ramai memperbaharui lesen memandu dan cukai jalan sehingga 28 Feb tahun depan. – BERNAMA.

21 Oktober 2010 (Khamis)

Parlimen - Selaraskan gaji, taraf jawatan

KUALA LUMPUR 21 Okt. – Kerajaan disaran supaya mengkaji semula tangga gaji dan taraf perjawatan kakitangan di semua jabatan agama Islam termasuk mahkamah syariah di seluruh negara. Datuk Ismail Mohamed Said (BN-Kuala Krau) yang membangkitkan perkara itu berkata, terdapat perbezaan yang cukup ketara dalam aspek perjawatan dan tangga gaji bagi kakitangan di jabatan-jabatan kerajaan lain dengan di jabatan agama Islam sama ada di peringkat pusat ataupun di negeri. "Walaupun kuasa terletak kepada negeri masing-masing, tetapi apa salahnya kalau kerajaan Pusat menaikkan taraf dan selaraskan kemudahan di semua jabatan agama Islam termasuk di daerah dan juga mahkamah syariah. "Kalau dilihat kemudahan di mahkamah sivil contohnya, perbezaan begitu ketara dengan di mahkamah syariah," katanya ketika membahaskan Bajet 2011 di Dewan Rakyat hari ini. Ismail turut mempersoalkan taraf jawatan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (Jakim) yang tidak diketahui sama ada ia ada di peringkat Gred Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) A, B atau C.

"Nampak sangat kita berlumba beri kemudahan dan jawatan besar kepada jabatan kerajaan lain, tetapi apabila disebut tentang Jakim, tidak tahu bagaimana kemudahannya," katanya. Dalam pada itu, Ismail turut meminta supaya guru-guru Kelas Agama dan Fardu Ain (KAFA) menggunakan faedah yang diberikan kerajaan seperti kenaikan elaun yang diumumkan pada pembentangan Bajet 2011 dengan sebaik mungkin. "Jangan guna jawatan ini untuk mempengaruhi rakyat supaya bagi sokongan kepada pembangkang. Bertugaslah secara adil," katanya. Beliau berkata, ini kerana terdapat guru-guru melalui Program Jawi, Quran dan Fardu Ain (JQaf) yang diwujudkan kerajaan sebelum ini melakukan tindakan seperti itu sebelum ini. "Ada guru-guru JQaf yang didapati menghasut guru lain, ibu bapa dan pelajar supaya menentang kerajaan. Jadi kita tidak mahu perkara ini berlaku lagi," katanya

21 Oktober 2010 (Khamis)

Parlimen - Projek Hidroelektrik Bakun 97% siap

KUALA LUMPUR 21 Okt.- Projek Hidroelektrik Bakun kini siap 97 peratus dan akan mula beroperasi pada Julai 2011. Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Donald Lim berkata, proses takungan air di empangan tersebut telah dimulakan pada 13 Oktober lalu setelah menerima kelulusan Permit Kebenaran daripada kerajaan negeri Sarawak pada 28 September. "Empangan tersebut dijangka memerlukan enam hingga tujuh bulan bagi mencapai paras takungan minimum untuk menggerakkan turbin pertamanya. "Sekurang-kurangnya sebulan diperlukan untuk menjalankan proses ujian," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan **Liang Teck Meng (BN-Simpang Renggam)** yang ingin tahu status terkini empangan tersebut yang menghadapi masalah pembeli elektrik. Donald berkata, projek tersebut tidak menghadapi masalah pembeli elektrik kerana kerajaan telah menetapkan bahawa sumber tenaga elektrik dari empangan berkenaan adalah untuk kegunaan penduduk Sarawak. "Pembangunan Sarawak Corridor Renewable Energy (SCORE) memerlukan 3,800MW hingga 4,000MW tenaga elektrik yang mana 1,700MW daripadanya adalah dari sumber Projek Hidroelektrik Bakun," katanya.

22 Oktober 2010 (Jumaat)

Bentang prestasi kewangan GLC

KUALA LUMPUR 22 Okt. - Prestasi kewangan tahunan syarikat milik kerajaan (GLC) dicadang dibentangkan pada setiap Perhimpunan Agung UMNO bagi melihat sumbangan mereka kepada masyarakat khususnya orang Melayu. Wakil UMNO Negeri Sembilan, Datuk Mohammed Najeeb Abdullah berkata, walaupun GLC majoritinya dibarisi oleh ahli lembaga pengarah dan ketua pegawai eksekutif Melayu, namun mereka dilihat masih kurang menyumbangkan kepada pembangunan ekonomi bumiputera. Beliau berkata, justeru pembentangan prestasi kewangan kepada umum akan membolehkan prestasi mereka dinilai khususnya dalam membantu masyarakat Melayu. "Negeri Sembilan mencadangkan prestasi GLC dibentang secara umum pada Perhimpunan Agung UMNO setiap tahun supaya dapat dinilai sumbangan mereka kepada masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyokong usul Ekonomi pada Perhimpunan Agung UMNO di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini. Di samping itu, Mohammed Najeeb turut mencadangkan supaya GLC terbabit dikenakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi mencapai objektif kewangan masing-masing. Katanya, perkara itu perlu diberi perhatian serius oleh kerajaan berikutan kewujudan syarikat terbabit adalah bermotifkan perniagaan dan menjadi objektif utama GLC mengaut keuntungan di samping agenda nasional. Dalam pada itu, Mohammed Najeeb berharap, pembinaan Menara Warisan Merdeka oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) tidak lama lagi perlu dirancang dengan teliti dan menempatkan pelbagai peringkat perniagaan termasuk konglomerat, syarikat korporat serta peniaga kecil. Menurutnya, apabila siap kelak, kerajaan atau pihak yang bertanggungjawab dalam menjual unit pejabat atau kedai di situ hendaklah memberi keutamaan kepada peniaga bumiputera pada harga munasabah. Tambahnya, kajian perlu bagi melihat model perniagaan yang lestari untuk membolehkan golongan terbabit berniaga di kawasan itu. "Jangan ada lagi rintihan peniaga bumiputera terpaksa gulung tikar lebih awal seperti berlaku di kompleks beli-belah Suria KLCC dan Alamanda di Putrajaya kerana harga sewa yang tinggi," jelasnya.

22 Oktober 2010 (Jumaat)

Perkhidmatan awam tulang belakang pembangunan negara

KUALA LUMPUR 22 Okt. - Rakyat perlu menghargai peranan sektor perkhidmatan awam kerana ia merupakan tulang belakang pembangunan negara. Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS), **Omar Osman** berkata, pihak yang suka menghentam sektor awam sebenarnya merupakan golongan yang hanya suka mencari kesalahan orang lain. "Pihak berkenaan harus sedar akan kepentingan sektor awam. Mereka inilah yang membantu menjadi jentera kepada dasar negara agar mencapai segala pembangunan yang dikecapi sekarang," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini. Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas ucapan dasar Presiden UMNO, Datuk Seri Najib Tun Razak yang memberi peringatan kepada pihak yang sesuka hati menuduh perkhidmatan awam tidak cekap. Pihak tersebut katanya, kadangkala suka memperbesarkan benda-benda yang kecil dalam usaha menunjukkan perkhidmatan awam tidak cekap. Presiden Persatuan Veteran Tentera Melayu (PVTM), **Datuk Mohd. Ali Baharom** pula meminta pihak berkenaan berhenti daripada terus mencemuh perkhidmatan awam. "Saya harap pihak berkenaan tidak menjadi pengkhianat negara sehingga mengadakan tuduhan mengenai aset ketenteraan negara. "Perkara ini tidak boleh dibiarkan dan tindakan tegas mesti diambil kepada mereka ini.

Janganlah mensia-siakan perjuangan anggota keselamatan dalam mempertahankan kedaulatan serta keamanan negara ini," ujarnya. Kata beliau, ini tidak bermakna perkhidmatan awam tidak boleh dikritik tetapi ia harus dilakukan sekiranya ia betul-betul berlaku dan bukannya berunsur fitnah. Sementara itu, Presiden Persatuan Bekas-bekas Polis, **Shafie Bakri** berkata, sektor perkhidmatan awam telah terbukti memainkan peranan penting dalam membangunkan negara. "Sekiranya kakitangan awam yang menjadi kumpulan pelaksana tidak cekap, sudah tentu kita tidak menikmati kemajuan seperti sekarang. "Kita akui terdapat segelintir penjawat awam yang tersasar daripada objektif dan ia telah digunakan oleh sesetengah pihak untuk memburukkan perkhidmatan awam. Janganlah hanya kerana nila setitik, rosak susu sebelanga," tegasnya.

22 Oktober 2010 (Jumaat)

Ekonomi - Cadangan beli PLUS untungkan semua pihak

KUALA LUMPUR 22 Okt. - Cadangan bersama antara UEM Group Bhd dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk membeli PLUS Expressways Bhd. dengan harga RM23 bilion menerusi jentera pelaburan bersama, nampaknya telah disesuaikan dengan begitu berhati-hati untuk memberi manfaat kepada semua pemegang saham. Ini adalah pendapat para penganalisis dan pakar ekonomi yang menyatakan ia menyediakan satu niaga janji yang inklusif (terangkum) dan memberi pulangan kepada kerajaan, syarikat khas (SPV) dan orang ramai, seiring dengan aspirasi Model Baru Ekonomi. "Jelas sekali, adalah satu kelebihan untuk mempunyai aliran masuk daripada infrastruktur awam diakrakan kepada segmen populasi seluas mungkin, sekali gus memastikan sokongan awam," kata Ketua Ekonomi RAM Holdings Bhd., Dr. Yeah Kim Leng. Sambil menyatakan pengambilan alih oleh SPV mempunyai rasional yang baik, Kim Leng berkata, kenaikan kadar tol dan ganti rugi oleh kerajaan telah menjadi kian tidak popular dan tidak mapan, kedua-dua kepada pengguna, kerajaan dan ekonomi secara umum, kerana impak negatif terhadap kos kehidupan dan menjalankan perniagaan. "Sebarang perjanjian baru yang tidak menjejaskan mana-mana pemegang saham sedia ada, adalah situasi menang-menang untuk orang ramai dan kerajaan."

Dilaporkan yang kepentingan belian PLUS menerusi pengambilalihan aset dan liabilitinya, ialah, ia membenarkan pertukaran hak milik konsesi lebuh raya tanpa perlu mengambilalih syarikat tersenarai itu. Ini bermakna pemegang konsesi perlu kembali ke Unit Perancang Ekonomi (EPU) bagi menukar pemilikan hak. Sebaliknya, EPU boleh mengenakan syarat-syarat baru atau memastikan penyusunan semula dijalankan dengan cara berkenaan yang kekerapan kenaikan tol dikurangkan. Ditanya bagaimana ia boleh memberi manfaat kepada orang ramai, Jeremy Goh berkata, terdapatnya trend menurun yang dapat dilihat untuk kadar tol di dalam negara berikutan ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika membentangkan Bajet 2011. "Beliau telah mengumumkan yang kadar tol sepanjang empat lebuh raya PLUS di dalam negeri tidak akan dinaikkan untuk tempoh lima tahun ini. Ini mungkin memberi manfaat kepada orang ramai seiring dengan terma konsesi tol yang akan distrukturkan semula," tambah beliau. Beliau berkata, kerajaan akan mendapat faedah daripada pengambilalihan itu kerana ia membolehkannya untuk merunding semula konsesi itu dengan cara syarat-syarat baru boleh dilaksanakan, seiring dengan kekerapan penurunan kadar tol. Menurut Goh, jumlah ganti rugi yang kerajaan perlu salurkan pada masa depan tidak lagi relevan, kerana ia kini berasaskan konsesi semasa yang akan dirundingkan semula untuk jadi lebih rendah berbanding kadar yang ada sekarang. Mengenai SPV baharu, Kim Leng berkata, kekuatannya akan bergantung kepada struktur aliran tunai bersih hasil daripada terma konsesi yang dirundingkan semula seperti tempoh dan kadar tol. "SPV mampu menarik sokongan padu daripada pemegang sahamnya untuk menstruktur semula hutang dengan terma yang lebih baik, terutama dengan kapasiti pembiayaan kukuh KWSP.

Ini bermakna, struktur hutang boleh dirunding semula tanpa membebankan SPV dan pada masa yang sama menyediakan faedah ketara kepada kedua-dua UEM dan KWSP, kata seorang tokoh bank saudagar yang lain. Beliau menambah ia diibaratkan 'sebuah perkahwinan yang ideal' bersama pasangan yang serasi. "UEM mampu menguatkan infrastruktur dan keberanian kejuruteraan dengan KWSP yang sememangnya kukuh dari segi kewangan boleh menggunakan kekuatan kewangannya itu untuk melonjakkan SPV ke tahap tinggi baharu," jelas beliau. Jumaat lepas, UEM dan KWSP telah membuat tawaran bersama untuk mengambil alih keseluruhan aset dan liabiliti PLUS pada RM23 bilion atau RM4.60 sesaham, menerusi jentera pelaburan bersama untuk dimiliki, masing-masing 51 peratus dan 49 peratus. Langkah itu akan membolehkan KWSP yang telah menguasai 12.03 peratus PLUS menaikkan lagi kepentingannya dalam syarikat pengendali lebuh raya itu kepada 49 peratus.

25 Oktober 2010 (Isnin)

SPRM buka 20 kertas siasatan

KUALA LUMPUR 25 Okt — Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah membuka sebanyak 20 kertas siasatan dan penyiasatan serta lima kertas pemeriksaan dan perundingan, hasil daripada Laporan Ketua Audit Negara 2008 yang dikeluarkan tahun lepas. Menurut satu kenyataan semalam, setakat ini, tiga individu telah didakwa di mahkamah, empat laporan SPRM dikemukakan kepada ketua jabatan berkenaan dengan cadangan prosiding tata tertib terhadap pegawai terlibat, lima surat nasihat dikeluarkan kepada jabatan berkaitan serta lima kajian sistem dan prosedur bagi menutup sebarang ruang dan peluang perlakuan jenayah rasuah atau penyelewengan. "Kes-kes siasatan yang ditutup tanpa sebarang tindakan pula adalah disebabkan sama ada tiada perlakuan jenayah rasuah atau penyelewengan jenayah atau kerana tiada keterangan bagi mencadangkan sebarang pertuduhan," katanya. Kenyataan itu juga menyebut kes yang dibawa ke mahkamah membabitkan tiga pegawai sebuah syarikat subsidiari Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia dan melibatkan penggunaan peruntukan sebanyak RM888,000 yang tidak mendapat sebarang kelulusan lembaga pengarah. Mereka didakwa mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan iaitu melakukan pecah amanah jenayah, yang membawa hukuman maksimum penjara 20 tahun, sebatan dan denda, jika sabit kesalahan. Kes berkenaan masih dalam perbicaraan. – Bernama.

25 Oktober 2010 (Isnin)

SPRM buka 20 kertas siasatan

KUALA LUMPUR 25 Okt — Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah membuka sebanyak 20 kertas siasatan dan penyiasatan serta lima kertas pemeriksaan dan perundingan, hasil daripada Laporan Ketua Audit Negara 2008 yang dikeluarkan tahun lepas. Menurut satu kenyataan semalam, setakat ini, tiga individu telah didakwa di mahkamah, empat laporan SPRM dikemukakan kepada ketua jabatan berkenaan dengan cadangan prosiding tata tertib terhadap pegawai terlibat, lima surat nasihat dikeluarkan kepada jabatan berkaitan serta lima kajian sistem dan prosedur bagi menutup sebarang ruang dan peluang perlakuan jenayah rasuah atau penyelewengan. "Kes-kes siasatan yang ditutup tanpa sebarang tindakan pula adalah disebabkan sama ada tiada perlakuan jenayah rasuah atau penyelewengan jenayah atau kerana tiada keterangan bagi mencadangkan sebarang pertuduhan," katanya.

Kenyataan itu juga menyebut kes yang dibawa ke mahkamah membabitkan tiga pegawai sebuah syarikat subsidiari Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia dan melibatkan penggunaan peruntukan sebanyak RM888,000 yang tidak mendapat sebarang kelulusan lembaga pengarah. Mereka didakwa mengikut Seksyen 409 Kanun Keseksaan iaitu melakukan pecah amanah jenayah, yang membawa hukuman maksimum penjara 20 tahun, sebatan dan denda, jika sabit kesalahan.

25 Oktober 2010 (Isnin)

Laporan Ketua Audit Negara 2009

Prestasi kewangan 2009 lebih baik

Oleh NURUL ANUAR KARI pengarang@utusan.com.my



PETUGAS Parlimen membawa keluar buku Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2009 semasa Persidangan Dewan Rakyat di Parlimen, semalam.

KUALA LUMPUR 25 Okt. – Laporan Jabatan Audit Negara menyatakan prestasi kewangan Kerajaan Persekutuan bagi 2009 adalah lebih baik berbanding 2008 dengan catatan lebihan dana berjumlah RM6.32 bilion. Rumusan prestasi tahunan Kerajaan Persekutuan menunjukkan berlaku defisit sejak 2006 yang berjumlah RM10.61 bilion, 2007 (defisit RM2.47 bilion) dan 2008 (defisit 1.54 bilion) yang menunjukkan perbezaan ketara dengan lebihan dana pada 2009. “Kerajaan mempunyai dana berjumlah RM659.89 bilion yang terdiri daripada hasil dan terimaan pinjaman, modal serta amanah atau deposit untuk tahun 2009. “Daripada jumlah itu, RM653.57 bilion digunakan untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, modal, bayaran balik pinjaman dan amanah atau deposit,” jelas laporan tersebut. Selain itu, laporan audit berkenaan turut mencatatkan lebihan baki peruntukan yang diluluskan untuk belanja pengurusan berjumlah RM11.07 bilion dan RM6.32 bilion untuk pembangunan. “Cuma 93.4 peratus (RM157.07 bilion) daripada RM168.14 bilion yang diluluskan untuk belanja mengurus digunakan sepanjang 2009 sementara 88.7 peratus (RM49.52 bilion) daripada peruntukan RM55.84 bilion untuk pembangunan dibelanjakan dalam tempoh sama,” jelas laporan itu.

25 Oktober 2010 (Isnin)

Laporan Ketua Audit Negara 2009

16 agensi kerajaan dapat pengiktirafan empat bintang

KUALA LUMPUR 25 Okt. - Prestasi pengurusan kewangan kerajaan pada 2009 adalah lebih baik berbanding tahun sebelumnya dengan 16 agensi kerajaan mendapat pengiktirafan empat bintang iaitu sangat baik. Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC), Datuk Seri Azmi Khalid berkata, secara umumnya prestasi kementerian-kementerian dan agensi kerajaan meningkat berbanding tahun sebelumnya yang hanya menyaksikan enam agensi mendapat empat bintang. “Yang mendapat tiga bintang (baik) juga meningkat daripada 71 pada 2008 kepada 78 pada tahun lalu.

Oleh kerana yang baik meningkat, maka yang kurang baik menurun daripada 15 pada 2008 kepada hanya lapan pada tahun lalu," katanya. Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas mendengar taklimat daripada Ketua Audit Negara mengenai Laporan Audit untuk tahun kewangan 2009 di Parlimen di sini hari ini. Azmi berkata, dalam sesi taklimat hari ini, Ketua Audit Negara juga memberi penjelasan mengenai kelemahan dalam pengurusan kewangan yang wujud dalam kementerian dan jabatan kerajaan pada tahun lalu. "Antara kelemahannya adalah dalam mengendalikan kontrak dan kerugian dalam melaksanakan sesuatu. PAC telah pun menentukan dan akan memanggil kementerian dan jabatan kerajaan terlibat untuk memberi penjelasan," katanya. Beliau bagaimanapun enggan memberitahu kementerian dan jabatan kerajaan yang telah dikenalpasti itu. "Saya tidak dapat berikan kementerian dan jabatan kerajaan yang terlibat. Kita bagaimanapun hanya akan memanggil mereka yang melakukan kesalahan serius sahaja," katanya.

25 Oktober 2010 (Isnin)

Beri perhatian kualiti jalan raya

Oleh MOHD. ISWAN SHAFIQ MAT ISA pengarang@utusan.com.my



Keadaan jalan yang biasa dilihat sekitar Kuala Lumpur, berlopak dan tidak rata bakal mengundang kemalangan.

KUALA LUMPUR 25 Okt. - Pelbagai persatuan pengguna hari ini mendesak pihak berkenaan memberi perhatian serius terhadap kualiti jalan raya khususnya masalah berlubang dan turapan semula yang tidak rata. Presiden Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), **Datuk N. Marimuthu** berkata, agensi berkenaan khususnya pihak berkuasa tempatan (PBT) perlu memastikan kualiti turapan jalan memenuhi piawaian ditetapkan dan bukannya sekadar melepas batuk di tangga. Katanya, hanya syarikat yang bertauliah patut diberikan tender untuk melakukan kerja-kerja berkenaan. "Pengawasan terhadap kerja-kerja itu perlu dilakukan bagi mengelak ia dilakukan secara sambil lewa sahaja. "Saya percaya, jika kesemua perkara ini dititikberatkan, kita mampu mengurangkan jumlah kemalangan jalan raya di negara ini," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Utusan Malaysia sebelum ini pernah menyiarkan laporan mengenai masalah jalan raya yang tidak rata, berlubang dan berlopak serta sering mengundang masalah kepada para pengguna kenderaan di negara ini terutamanya di sekitar ibu kota. Walaupun ada jalan yang telah diturap, tetapi turapan itu tidak tahan lama dan kembali berlubang terutamanya selepas hujan lebat. Presiden Persatuan Pengguna Subang dan Shah Alam (CASSA), **Datuk Dr. Jacob George** yang sependapat dengan Marimuthu menggesa satu pasukan pemantau khas ditubuhkan bagi memastikan turapan jalan raya di negara ini sentiasa berkualiti. "Isu jalan tidak rata dan berlubang sering dibangkitkan sebelum ini sehingga pernah dibawa ke Parlimen. "Persatuan-persatuan pengguna termasuk CASSA juga telah menghantar banyak memorandum kepada pihak berkenaan tetapi penyelesaian yang diambil belum mampu memuaskan hati semua pihak terutamanya pengguna jalan raya," katanya. Pada masa sama, beliau khuatir wujud amalan rasuah atau salah guna kuasa di kalangan pihak tertentu yang berkepentingan sehingga menyebabkan kerja-kerja seperti penurapan jalan tidak dapat dilakukan dengan baik. "Saya ada menerima laporan bahawa apabila satu-satu tender diberikan untuk kerja penurapan jalan dilakukan, ada pihak yang 'menjual' tender berkenaan kepada pihak lain. "Sehubungan itu, saya berharap agar satu pemantauan yang rapi dilakukan bagi mengelakkan isu ini berlarutan," katanya.

26 Oktober 2010 (Selasa)

Laporan Ketua Audit Negara 2009

Semua kerajaan negeri ada tunggakan hutang pinjaman

KUALA LUMPUR 26 Okt. - Jabatan Audit Negara melaporkan, kesemua 13 kerajaan negeri gagal membayar keseluruhan tunggakan pinjaman mengikut tempoh yang ditetapkan sehingga penghujung tahun lalu. Bagaimanapun mengikut jabatan itu, tiga negeri iaitu Sabah, Sarawak dan Perak berjaya melangsaikan sebahagian besar daripada keseluruhan pinjaman mereka itu berbanding negeri-negeri lain. Menurut laporan itu lagi, negeri lain termasuk empat di bawah pembangkang sehingga kini gagal membayar sebahagian besar tunggakan itu malah tidak dapat melunaskan jumlah minuman yang ditetapkan untuk tahun 2009. "Sebanyak 607 daripada 1,203 pinjaman di 13 negeri tersebut gagal dibayar tunggakannya menyebabkan hanya RM614.4 juta dapat dikutip daripada jumlah RM885.38 juta yang sepatutnya dibayar pada 2009. "Ini menyebabkan tunggakan bayaran balik pinjaman kerajaan negeri meningkat RM542.01 juta (13.3 peratus) daripada RM4.08 bilion pada penghujung 2008 kepada RM4.62 bilion pada penghujung 2009," jelas laporan tersebut.

Menurut laporan itu, semua kerajaan negeri mempunyai bilangan tunggakan bayaran yang besar kecuali Sarawak dan Perak yang hanya mempunyai dua tunggakan sementara Sabah tiga tunggakan. "Selangor mempunyai nilai tunggakan tertinggi dengan RM829.86 juta untuk 37 pinjaman yang perlu dibayar dalam tempoh dua hingga 13 tahun. "Pahang pula mencatatkan bilangan pinjaman tertunggak paling tinggi iaitu 113 pinjaman dengan nilai tunggakan RM565.08 juta," tambah laporan itu. Jabatan Audit Negara menegaskan, jumlah tunggakan yang meningkat pada penghujung 2009 tidak termasuk tunggakan bayaran balik pinjaman Bekalan Air Luar Bandar bagi lapan kerajaan negeri berjumlah RM204.27 juta yang telah dihapus kira.

26 Oktober 2010 (Selasa)

Laporan Ketua Audit Negara 2009

Defisit PTPTN dijangka RM45.89b

Oleh MOHD. ASRON MUSTAPHA mohdasron.mustapha@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 26 Okt. - Perbadanan Tabung Pengajian Tinggi Nasional (PTPTN) dijangka mengalami defisit aliran tunai berjumlah RM45.89 bilion sehingga Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11). Menurut Laporan Ketua Audit Negara, keadaan itu berlaku kerana prestasi bayaran balik oleh para peminjam tidak memuaskan, selain kos pinjaman tinggi iaitu antara 3.6 hingga 5.3 peratus yang terpaksa ditanggung oleh PTPTN. Jelas laporan itu, prestasi kutipan bayaran balik pinjam pada tahun lalu sekadar 47 peratus iaitu sama dengan prestasi kutipan pada tahun 2007 tetapi lebih rendah berbanding 2008 yang mencatat 48 peratus. Lebih memburukkan keadaan, tambah laporan itu, 33 peratus peminjam PTPTN yang sepatutnya membayar balik pinjaman mulai tahun 2007 hingga 2009 pula mendapat kemudahan penangguhan bayaran balik. "Defisit aliran tunai pinjaman pendidikan yang berterusan akan menyebabkan kedudukan kewangan PTPTN terjejas. Badan ini terpaksa bergantung kepada kerajaan bagi meneruskan operasi memberi pinjaman. "PTPTN perlu meningkatkan prestasi kutipan sehingga 70 peratus pada tahun ini bagi memastikan dana pusingan pinjaman pendidikan dapat terus membiayai pinjaman pelajaran," jelas laporan tersebut.

Dalam pada itu, audit juga mendedahkan 82 peratus daripada 227,595 dokumen perjanjian antara peminjam dan PTPTN bagi tahun 2008 dan 2009 masih belum ditandatangani oleh badan tersebut. Daripada jumlah tersebut, 124,070 dokumen perjanjian yang belum ditandatangani melibat tahun lalu manakala baki 63,470 dokumen perjanjian lagi adalah untuk tahun 2008. Pada masa sama, pemeriksaan audit juga mendapati dokumen perjanjian yang belum ditandatangani itu tidak disimpan dengan teratur di Unit Perjanjian PTPTN sehingga boleh mendatangkan pelbagai risiko. "Perjanjian yang tidak dimeterai itu menyebabkan PTPTN sukar mengambil tindakan penguatkuasaan bayaran balik terhadap peminjam yang ingkar. "PTPTN perlu melengkapkan perjanjian pinjaman pelajar dengan menandatangani segera supaya tindakan perundangan dapat dikuatkuasakan," jelasnya.

26 Oktober 2010 (Selasa)

Laporan Ketua Audit Negara 2009

PTPTN atasi lebih separuh masalah dibangkit Laporan Ketua Audit Negara

KUALA LUMPUR 26 Okt. - Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) hari ini menjelaskan bahawa segala isu kelemahan yang dibangkitkan dalam **Laporan Ketua Audit Negara 2009** mengenai perbadanan itu, lebih separuh telah diselesaikan dan bakinya akan dilaksanakan dalam masa terdekat. Tiga isu yang dibangkitkan dalam laporan itu ialah berkenaan Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP), dokumen perjanjian belum ditandatangani pegawai PTPTN dan jumlah kutipan bayaran balik RM1.51 bilion iaitu hanya 47 peratus daripada jumlah sepatutnya. Pengerusi PTPTN, Datuk Ismail Mohamed Said dalam kenyataannya hari ini menjelaskan bahawa walaupun WPP tidak menggunakan perjanjian tetapi pelajar yang ditawarkan pendahuluan itu disyaratkan menandatangani surat setuju terima semasa menunaikan waran berkenaan. Katanya, dokumen tersebut boleh digunakan oleh pihaknya bagi tindakan perundangan kerana semua syaratnya dinyatakan secara jelas. "Bagi pelajar yang memohon dan diluluskan pembiayaan pendidikan PTPTN, potongan untuk bayaran balik WPP akan dibuat mulai semester kedua. "Selaras dengan cadangan Audit, PTPTN akan mengadakan perbincangan dengan pihak IPTA memasukkan kenyataan bahawa pelajar juga ingin memohon kemudahan WPP semasa mengisi permohonan ke IPTA," katanya.

Menurut Laporan Audit, didapati 3,793 daripada 3,852 penerima WPP berjumlah RM4.9 juta masih tidak dapat dikutip balik. Semakan selanjutnya mendapati tiada perjanjian ditandatangani dengan pelajar bagi membolehkan tindakan penguatkuasaan kutipan balik WPP dibuat. Mengenai isu kedua pula, Audit mendapati sejumlah 187,540 set dokumen perjanjian pembiayaan pendidikan atau 82 peratus daripada 227,595 set yang dipulangkan pelajar masih belum ditandatangani oleh pihak PTPTN dan saksinya. Ismail mengakui ia berlaku kerana sistem pengurusan dokumen yang sepatutnya digunakan tidak dapat disiapkan kerana masalah teknikal. "Bagaimanapun, masalah itu telah dapat diatasi dan mulai 27 September lalu satu pasukan khas telah diwujudkan. Sehingga hari ini, urusan tandatangan oleh kumpulan Pengurusan dan Profesional bagi 187,540 set dokumen itu telah disiapkan. "Kini usaha sedang dilakukan untuk membolehkan tandatangan saksi oleh kumpulan Sokongan 1 disiapkan dalam tempoh dua hingga tiga bulan," katanya. Sementara itu, mengenai kegagalan kutipan balik pinjaman, Ismail berkata, pelbagai usaha telah dan sedang dilakukan oleh PTPTN bagi meningkatkan prestasi kutipan hutangnya. Katanya, sehingga 31 Ogos lalu, sejumlah RM1.959 bilion telah dikutip iaitu 48 peratus daripada jumlah yang sepatutnya sebanyak RM4 bilion. "Selain itu, PTPTN juga sedang mengadakan perbincangan dengan Lembaga Hasil Dalam Negara untuk membolehkan kewajipan potongan gaji melalui lembaga itu dilaksanakan," katanya.

26 Oktober 2010 (Selasa)

55,000 nelayan nikmati elaun

PANGKOR 26 Okt. - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah memperuntukkan sebanyak RM256.44 juta bagi tujuan pembayaran Elaun Sara Hidup Nelayan (ESHN) kepada kira-kira 55,000 nelayan di seluruh negara, sejak program itu diperkenalkan pada 2008. Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Abd Rahman Ellis berkata, menerusi ESHN, nelayan yang berdaftar akan diberi elaun sebanyak RM200 setiap bulan. "Langkah kerajaan menyalurkan elaun bulanan itu dibuat bertujuan mengekalkan kesejahteraan dan mengukuhkan ekonomi masyarakat nelayan. Ia juga sebagai motivasi diri dan penghargaan kerajaan terhadap mereka yang berkerja keras membekalkan bekalan ikan kepada penduduk," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian ESHN kepada 674 nelayan di Dewan Che Phang Khor hari ini.

Beliau berkata bagi tahun 2010, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM108 juta dan sehingga September lepas, sejumlah RM88.26 juta telah diagihkan kepada 49,033 nelayan. Dalam perkembangan lain, Abd Rahman berkata LKIM telah membina 100 buah rumah yang bernilai RM75,000 setiap satu, yang akan diserahkan kepada nelayan berkecayaan, menerusi program khas bagi mewujudkan perkampungan nelayan moden. – BERNAMA.

26 Oktober 2010 (Selasa)

Parlimen - Pengguna bayar RM12.36 juta caj servis tambah nilai Touch 'n Go

KUALA LUMPUR 26 Okt. - Jumlah kutipan caj tambahan 50 sen setiap kali pengguna menambah nilai kad Touch 'n Go mereka bermula 2008 hingga September 2010 ialah RM12.36 juta. Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Shaziman Abu Mansor berkata, caj berkenaan bukan dikenakan oleh pemegang konsesi lebuhraya PLUS Expressway Bhd. atau syarikat Touch 'n Go sebaliknya dikutip oleh pihak ketiga atau ejen yang dilantik bagi kemudahan pelanggan melakukan transaksi tambah nilai. Katanya, caj berkenaan hanya dikenakan apabila tambah nilai dibuat melalui mesin pengeluaran wang automatik (ATM) kecuali mesin ATM CIMB Bank atau melalui ejen-ejen runcit seperti stesen minyak dan kedai serbaguna bertujuan menampung kos modal, operasi dan penyelenggaraan perkhidmatan itu. "Para pengguna sebenarnya mempunyai pilihan untuk menambah nilai kad Touch 'n Go secara percuma di hab-hab Touch 'n Go, lorong tambah nilai dan pusat khidmat jualan di plaza tol, di stesen Transit Aliran Ringan (LRT) atau kaunter perkhidmatan di stesen minyak Petronas terpilih.

"Sehingga kini jumlah kaunter tambah nilai Touch 'n Go yang sedang beroperasi ialah 4,254 terminal di mana 901 terminal beroperasi tanpa caj servis," katanya dalam jawapan bertulis bagi menjawab soalan **Fong Po Kuan (DAP-Batu Gajah)** di Dewan Rakyat hari ini. Dalam pada itu, Shaziman berkata, syarikat Touch 'n Go juga sedang menambah jumlah terminal tambah nilai tanpa dikenakan caj servis secara berperingkat-peringkat. Sebagai contoh, katanya, bagi suku tahun pertama 2011, 90 terminal baru akan dibuka untuk tujuan tersebut. Mengenai bayaran RM10 bagi menggantikan kad Touch 'n Go berusia lebih 10 tahun, beliau berkata, ia hanya untuk menampung kos kad sahaja sebagaimana dilakukan pengendali kad transaksi lain seperti kad ATM. Katanya, sebagaimana kad elektronik yang lain, Touch 'n Go juga tidak terkecuali tertakluk kepada kelusuan akibat penggunaan dan akan menjadi tidak efektif sekali gus menjejaskan kelancaran transaksi. "Jumlah kutipan hasil oleh syarikat Touch 'n Go bagi menggantikan kad yang telah tamat tempoh sejak 2008 sehingga kini ialah RM477,380," katanya.

26 Oktober 2010 (Selasa)

Bakun: Sungai Rajang cetek?

Oleh MUHAMAD ZAID ADNAN zaid.adnan@utusan.com.my

KAPIT 26 Okt. - Kerajaan negeri tidak berhasrat untuk menghentikan kerja-kerja menakung air di Empangan Hidroelektrik Bakun yang setakat ini telah mengakibatkan paras air Sungai Rajang terutamanya di kawasan hulu semakin cetek. Menteri Perancangan dan Pengurusan Sumber II, Datuk Seri Awang Tengah Ali Hassan sebaliknya berkata, penakungan air tetap akan diteruskan kerana satu kajian berhubung kerja-kerja penakungan telah dilakukan sebelum permit kebenaran dikeluarkan pada 13 Oktober lalu. Menurutnya, berdasarkan kajian itu, Sarawak dijangka akan mengalami musim monsun yang mengakibatkan hujan lebat dan bersesuaian dengan kerja-kerja menakung air.

"Namun apa yang berlaku adalah di luar jangkaan dan kita berharap agar hujan turun bagi mengelakkan keadaan bertambah buruk," katanya kepada pemberita di Rumah Rehat Song dekat sini semalam. Dalam pada itu, Awang Tengah memberitahu, pada masa sama, sejumlah air juga akan dilepaskan dari Empangan Hidroelektrik Bakun bagi mengimbangi paras air Sungai Rajang pada 43 aras laut purata (MSL). Kata beliau, paras terendah MSL yang dicatatkan ialah di antara Kapit dan Belaga iaitu pada 41 MSL dan hanya boleh dilalui dengan perahu. "Walaupun bot ekspres dan bot kargo tidak dapat mudik ke Belaga namun sungai itu masih dapat dilalui oleh perahu sebagaimana yang dialami sebelum wujudnya empangan berkenaan lagi," jelasnya. Dalam perkembangan lain, Awang Tengah berkata, laporan berhubung fenomena kayu-kayu balak memenuhi Sungai Rajang secara luar biasa pada 7 Oktober lalu akan dikeluarkan secepat mungkin. "Kita akan menyediakan hasil kajian yang serba lengkap merangkumi jabatan berkaitan kerana berdasarkan laporan awal kejadian berkenaan disebabkan oleh banyak faktor," katanya.

27 Oktober 2010 (Rabu)

Pentadbiran awam perlu tersusun wujudkan integriti



ABDUL Taib Mahmud (tengah) menerima Anugerah Indeks Akauntabiliti 4-Bintang 2009 yang diraih oleh Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) sempena perasmian Hari Integriti SEDC 2010, di Kuching, semalam.

KUCHING 27 Okt. - Sistem dalam pentadbiran awam perlu dilaksanakan secara tersusun supaya dapat meningkatkan sikap bertanggungjawab serta membentuk budaya integriti dalam diri penjawat awam. Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata, tuntutan supaya penjawat awam bersikap amanah ini membentuk karakter dan reputasi mereka untuk berusaha memberikan perkhidmatan yang efisien. "Dalam erti kata lain, penjawat awam yang mempunyai integriti mesti sekurang-kurangnya melakukan tugas mereka dengan penuh rasa tanggungjawab. "Justeru, boleh atau tidak seseorang itu menghidupkan budaya integriti bergantung kepada keberkesanan perkhidmatan yang disampaikan oleh kumpulannya," katanya ketika berucap pada Hari Integriti Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) di sini hari ini.

Hadir sama Menteri Muda Pelancongan yang juga Pengerusi PPES, Datuk Talib Zulpilip serta Pengurus Besar PPES, Dr. Sulaiman Husaini. Menurut Abdul Taib, keperluan untuk menjadikan integriti sebagai satu budaya dalam perkhidmatan awam adalah dituntut memandangkan ia mampu meningkatkan karakter malah di dalam Islam, umatnya perlu bertanggungjawab terhadap amanah yang diberikan pada mereka. Katanya, seseorang itu tidak mempunyai hak untuk menggunakan kuasa, kedudukan atau kekayaannya untuk merosakkan amanah yang diberikan kepadanya. Tambah beliau, penjawat awam perlu mempunyai rasa tanggungjawab terhadap perkhidmatan yang mahu disampaikan kerana ia bukan satu tugas yang mudah dalam struktur masyarakat yang begitu besar serta tersusun. "Kita tidak boleh mengendalikan pekerjaan seperti robot kerana manusia itu tetap seorang manusia yang perlu mempunyai tanggungjawab dan perasaan. "Jika kita melihat kepada siapa yang ingin kita sampaikan perkhidmatan, maka secara tidak langsung ia akan menyedarkan kita tentang amanah yang dipertanggungjawabkan pada diri sendiri untuk melakukan tugas dengan penuh integriti," ujarnya.

27 Oktober 2010 (Rabu)

Laporan Ketua Audit Negara 2009

Teguran Jabatan Audit selamatkan risiko penyalahgunaan di Perkeso

KUALA LUMPUR 27 Okt. - Tindakan pantas Jabatan Audit Negara mengesan kelemahan dalam prosedur memasukkan maklumat pencarum ke dalam pangkalan data Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) telah berjaya mengelak potensi penyalahgunaan oleh pihak tidak bertanggungjawab. Kelemahan yang berjaya dikesan itu ialah tiada penyelia untuk memantau kakitangan teknologi maklumat yang terlibat memasukkan data berkaitan 5.1 juta pencarum sehingga boleh menimbulkan risiko penyalahgunaan kuasa. Kakitangan terbabit mempunyai capaian sepenuhnya ke pangkalan data Perkeso sehingga membolehkan mereka mengaktifkan status penerima bantuan bulanan yang telah meninggal dunia dan juga menukar nombor akaun bank penerima untuk disalurkan ke pihak lain. Berikutan penemuan audit itu, Perkeso telah mengambil langkah segera melantik pegawai daripada Bahagian Perbendaharaan pertubuhan itu bagi memantau kerja-kerja memasukkan data oleh kakitangan teknologi maklumatnya. Langkah-langkah pembaikan oleh Perkeso itu dinyatakan dalam Laporan Maklum Balas Perbendaharaan Malaysia Ke Atas Isu-Isu Utama Dalam Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Badan Berkanun Serta Syarikat Subsidiari Persekutuan Bagi Tahun 2009.

Pertubuhan itu turut memaklumkan akan menstrukturkan semula organisasi dan perjawatan melibatkan kakitangan teknologi maklumatnya bagi memastikan tiada ruang untuk berlaku sebarang penyelewengan. Dalam pada itu, Perkeso turut memberitahu pihaknya sedang mengkaji untuk menggunakan kata laluan 12 aksara bagi menyekat pihak tidak bertanggungjawab daripada mencerooboh sistem komputer dan pangkalan data maklumat pertubuhan itu. Jabatan Audit Negara sebelum ini menegur Perkeso kerana masih menggunakan kata laluan enam aksara yang boleh diguna pakai tanpa had masa dan tempoh luput. Sementara itu, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang menjawab teguran jabatan itu memaklumkan bahawa ia tidak akan menanggung segala liabiliti yang dihadapi oleh Malaysian International Tuna Port (MITP) Sdn. Bhd. Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang sebelum ini melahirkan kebimbangan kemungkinan LKIM terpaksa menanggung liabiliti itu kerana sehingga November 2009, MITP masih gagal membayar faedah sebanyak RM23 juta kepada peminjam. Menurut LKIM, langkah berkenaan tidak perlu dibuat walaupun agensi itu mempunyai pegangan saham sebanyak 40 peratus dalam MITP kerana ia adalah syarikat swasta dengan liabiliti terhad.

MITP adalah syarikat yang terbabit dalam pembangunan Pelabuhan Antarabangsa Tuna Malaysia di Batu Maung, Pulau Pinang bernilai RM555 juta yang dijangka siap sepenuhnya pada 2012.

29 Oktober 2010 (Jumaat)

Maklum Balas Laporan Ketua Audit Negara 2009

BTN jelas isu Kem Bina Negara Langkawi, Lipis

PUTRAJAYA 29 Okt. - Biro Tata Negara (BTN) hari ini menjelaskan, Kem Bina Negara (KBN) di Langkawi, Kedah dan Lipis di Pahang kini dalam proses mendapatkan Sijil Layak Menduduki (CF) dan operasi kedua-keduanya ditangguhkan sehingga permohonan itu diluluskan. Ketua Pengarahnya, Datuk Shagul Hamid Abdullah berkata, setakat ini KBN Langkawi belum beroperasi selepas ditutup setelah berlaku runtutan tanah di sekitar kawasan itu walaupun proses pembesaran kem itu telah siap pada 29 Februari 2008. "Sehubungan itu, BTN telah mendapatkan kerjasama Institut Kerja Raya Malaysia Berhad (Ikram) untuk melakukan kerja-kerja siasatan tanah dan laporan Ikram pada 6 Ogos 2010 memaklumkan bahawa kawasan itu bermasalah kerana kestabilan tanah adalah di bawah nilai piawaian. Pihak Ikram Berhad telah mencadangkan agar kerja-kerja geotekstil dilaksanakan pada tahun 2011 dengan kerjasama Jabatan Kerja Raya (JKR) dan surat sokongan akan dikeluarkan kepada PBT bagi membolehkan CF dikeluarkan kepada BTN," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Beliau mengulas laporan Ketua Audit Negara mengenai KBN di Langkawi dan Lipis yang masih belum mendapat CF. Sementara itu, katanya, KBN Lipis masih dalam proses permohonan mendapatkan CF kerana terdapat masalah teknikal dalam mendapatkan Lukisan Terbina daripada pihak kontraktor. "Penggunaan kem itu juga ditangguhkan sehingga mendapat CF," katanya. Selain itu, beliau memberitahu, Majlis Daerah Lipis juga telahewartakan kem tersebut sebagai kawasan operasinya pada 22 November 2007 tanpa pengetahuan BTN. Dalam pada itu, beliau menjelaskan, projek pembesaran kem itu yang dimulakan pada 20 Julai 2004 telah siap sepenuhnya dan telah diserahkan semula kepada BTN pada 20 Februari 2008. "Sijil Perakuan Siap (CPC) telah dikeluarkan oleh BTN atas saranan Perunding Arkitek Suria dan dengan adanya CPC ini, kem tersebut secara fizikal dan praktikalnya dapat digunakan tanpa sebarang masalah. "KBN Lipis digunakan mulai Mac 2008 dengan menggunakan CPC sebagai jaminan keselamatan," katanya. Shagul Hamid berkata, disebabkan masalah tersebut kedua-dua kem berkenaan hanya akan digunakan setelah memperoleh CF.

29 Oktober 2010 (Jumaat)

KPPMS kesal KSSB mahu buka semula tender

SHAH ALAM 29 Okt. - Konsortium Pengusaha Pasir Melayu Selangor (KPPMS) kesal dengan tindakan anak syarikat milik Kerajaan Selangor, Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) yang membuka semula tender melombong pasir di Bestari Jaya, Kuala Selangor. Setiausahanya, Ramlan Sahri berkata, tender berkenaan yang ditutup pada 12 Oktober lepas akan dibuka semula pada 2 November depan dan ditutup semula pada 8 November. "Kami dimaklumkan mengenai perkara itu melalui satu kiriman faks semalam. Apabila ditanya, mereka kata tender itu perlu dibuka kerana ada pihak yang tidak sempat memasuki tender.

"Perkara ini tidak sepatutnya berlaku. Apa yang berlaku jelas menunjukkan KSSB tidak telus dan menipu rakyat Selangor tentang pengurusan pasir di negeri ini," katanya. Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyerahkan memorandum rasa tidak puas hati KPPMS berhubung isu itu di pejabat KSSB di Seksyen 7 di sini hari ini. Ramlan berkata, pada 7 Oktober lepas iaitu hari lawatan ke tapak melombong pasir sebelum tarikh tender ditutup, lebih 30 kontraktor hadir ke kawasan perlombongan pasir di Bestari Jaya dan membeli borang tender yang dikeluarkan. Sehubungan itu, katanya, tidak timbul isu tender perlu dibuka semula kerana ia hanya membazirkan masa. Beliau berkata, pihaknya juga akan mengkaji peruntukan undang-undang berhubung tindakan KSSB membuka semula tender berkenaan.

29 Oktober 2010 (Jumaat)

Rencana - Transformasi untuk kepentingan sektor awam

Oleh MOHD. KHUZAIRI ISMAIL rencana@utusan.com.my

TARIKH 8 Oktober lalu mencatat satu lagi peristiwa penting dalam era pentadbiran Datuk Seri Najib Tun Razak sebagai Perdana Menteri. Apa yang berlaku mungkin bukanlah sesuatu yang bertaraf mega atau begitu bersejarah. Tetapi ia merupakan langkah awal yang cukup bermakna dalam transformasi modal insan dan kepimpinan yang mendahulukan kepentingan awam. Pada tarikh itu, Razak School of Government (RSOG) ditubuhkan secara rasmi. Idea penubuhan RSOG sebenarnya diilhamkan lebih awal apabila Najib pertama kali menyebut mengenainya pada pembentangan Bajet 2010 pada 23 Oktober tahun lalu. Gagasan tersebut disambut dengan pembentukan sebuah Jawatankuasa Pemandu yang dianggotai oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sidek Hassan. RSOG kemudiannya diperbadankan dan didaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 30 Julai lalu dengan Sidek sendiri sebagai Pengerusi Pemegang Amanahnya. Secara keseluruhannya, RSOG bergerak dalam kerangka idea untuk melahirkan golongan ikhtisas dalam bidang pembangunan kepimpinan yang memiliki reputasi global. Institusi ini juga dirangka sebagai pemangkin bagi membentuk pemimpin masa depan negara yang berwibawa, bijaksana, berintegriti dan berkarisma. Program yang dirangka menerusi RSOG pula merangkumi Pendidikan Kepimpinan menerusi Program Lanjutan Kepimpinan, Praktikum Perkhidmatan Awam dan Seminar Kepimpinan. Program lain termasuk Seminar Kepimpinan dan Polisi Awam, antaranya Siri Syarahan Razak, Siri Seminar Dasar-Dasar Awam, Siri Seminar Brownbag dan Dialog Kementerian. Najib sendiri pada pelancaran RSOG pada 8 Oktober lalu menjadi peserta pertama menyampaikan Siri Syarahan Razak yang bertujuan mengetengahkan para negarawan terkemuka termasuk para pemimpin dunia yang masyhur.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif RSOG, Prof. Madya Dr. Hamidin Abdul Hamid, penubuhan RSOG yang diletakkan di luar kerangka kerangka dan struktur perkhidmatan awam penting bagi pusat itu berfungsi sebagai institusi penyelidikan dan latihan yang neutral serta kompetitif. Penubuhannya juga perlu dilihat sebagai satu anjakan paradigma bahawa kerajaan melalui perkhidmatan awam bersedia untuk berkonsultansi di luar ruang lingkup organisasi dan strukturnya bagi memajukan sektor perkhidmatan awam. Malah, ia juga dilihat sebagai satu transformasi menyeluruh dalam memenuhi tuntutan rakyat dan hala tuju baru negara. RSOG juga tambah Hamidin, ditubuhkan dengan kesedaran bahawa negara akan mencapai taraf ekonomi berpendapatan tinggi menjelang 2020, sekali gus tergolong dalam kelompok negara maju. Sedangkan baki sembilan tahun bukanlah satu tempoh yang lama. Dalam hal ini, sektor awam perlu mengalami transformasi kepimpinan dalam memenuhi keperluan rakyat yang mahukan keterbukaan, ketelusan dan bentuk perkhidmatan yang efisien. Untuk itu, RSOG diberi mandat untuk mencapai dua agenda utama dalam sesuatu transformasi iaitu kepimpinan dan pengetahuan.

"Kedua-duanya perlu digerakkan seiring dengan komitmen kerajaan dalam melahirkan modal insan yang berfikir global tetapi berpaksikan lokal dan keadaan semasa," katanya. Menurut Hamidin, kepimpinan prihatin memberikan tempat kepada semua untuk menyumbang ke arah kebaikan sesebuah organisasi. Sumbangan seseorang ahli datang dari pelbagai sudut seperti memberikan kritikan yang membina dan dalam masa sama menerima teguran untuk meningkatkan produktiviti serta daya saing yang tinggi. Ini kerana perubahan transformasi perkhidmatan awam bukan sahaja datang dari pihak atasan atau luaran, tetapi dari dalam organisasi itu sendiri. Dari aspek pengetahuan pula kata Hamidin, RSOG ditubuhkan di luar kerangka kerajaan supaya ia mampu meneroka pengetahuan kelas pertama dengan lebih jauh. Ke arah itu, RSOG bersedia menjalin rangkaian dengan pelbagai institusi penyelidikan dan pendidikan bertaraf dunia agar perkongsian pengetahuan dan kepakaran dapat digiatkan. Rangkaian pengetahuan serantau dan global itu mampu menyuntik elemen pembaharuan dalam sektor perkhidmatan awam, seterusnya melahirkan penjawat awam yang berintelektual dan berasional tinggi. Dari sisi berbeza pula, Hamidin menambah, perkhidmatan awam adalah perkhidmatan rakyat dan ia semestinya meletakkan kepuasan rakyat sebagai matlamat utama dalam setiap kayu ukur kecemerlangan. Misi perkhidmatan awam tidak lain dan tidak bukan hanyalah untuk berbakti kepada rakyat dan negara serta memastikan mereka menikmati kepuasan dalam menerima perkhidmatan.

Pelanggan datang dari segenap lapisan individu dalam masyarakat dan perkhidmatan awam wujud kerana wujudnya masyarakat yang memerlukan mereka untuk berkhidmat. "Justeru, idea, sumbangan dan maklum balas malah kritikan harus datang dari segenap sudut dalam masyarakat serta mesti dialu-alukan. Dalam masa yang sama, masyarakat harus menyedari bahawa mereka juga terlibat dalam proses membangunkan negara dan harus menjadi sayap kanan untuk membantu perkhidmatan awam dalam proses transformasi kerajaan," katanya. Dalam konteks ini tambah Hamidin, RSOG berperanan sebagai platform menghubungkan kedua-dua entiti tersebut. RSOG juga bertanggungjawab meningkatkan jaringan rakyat dan perkhidmatan awam dalam menilai prestasi perkhidmatan awam. Ini kerana RSOG percaya betapa pentingnya penglibatan orang awam dalam bersama-sama menjayakan agenda pembangunan negara. Sektor perkhidmatan awam juga jelas Hamidin tidak boleh lagi dilihat sebagai burokratik dan berhierarki. Suatu pembaharuan menuntut agar kepimpinan tidak lagi didasari oleh seorang pemimpin *senior* yang dikelilingi oleh para pengikut. Kepimpinan kini bukan lagi didasari oleh pangkat dan kuasa tetapi lebih daripada itu. Kejayaan mutlak sesebuah kepimpinan bergantung kepada kebolehan seseorang menggerakkan organisasi secara efektif, bersama-sama membawa perubahan dan mencapai matlamat. Berbekalkan kepercayaan sesama ahli dan pemimpin, semua pihak harus diberi tanggungjawab untuk membawa sesebuah organisasi ke tahap yang lebih baik.

Kepimpinan alaf baru kini memfokus ke arah melakukan perubahan dan membawa ahli ke arah perubahan. Justeru, perubahan positif tidak akan berlaku sekiranya hanya wujud seorang pemimpin yang berkaliber di dalam sebuah organisasi dan bukannya kepimpinan menyeluruh yang melibatkan setiap ahlinya. Kedua-duanya, pemimpin dan ahli, harus bergerak sejajar dan saling memerlukan antara satu sama lain. RSOG ditubuhkan atas kesedaran pentingnya sebuah institusi baru sebagai mekanisme dalam menghubungkan semua peringkat dalam perkhidmatan awam. Ia bertujuan mengenal pasti kelemahan dan membina kekuatan perkhidmatan awam terutamanya dari segi kepimpinan. Pada masa yang sama, RSOG juga akan memainkan peranan penting menghubungkan Perkhidmatan Awam dengan dunia luar terutamanya dalam pembentukan kepimpinan, pemimpin, serta penerokaan ilmu. "Sewajarnya kita bukan sahaja perlu bersedia untuk berubah tetapi bertransformasi dengan perubahan. Ini bagi memastikan negara kekal berada di landasan yang betul dalam memenuhi impian dan hasrat rakyat menjelang tahun 2020," kata Hamidin.

29 Oktober 2010 (Jumaat)

Laporan Ketua Audit Negara 2009

Oleh KAMIL MASLIH utusanjohor@utusan.com.my

MUAR 29 Okt. - Majlis Perbandaran Muar (MPM) memandang serius terhadap mutu kemudahan awam di daerah ini yang menurun apabila 71.1 peratus daripada 53 kemudahan yang diperiksa baru-baru ini didapati tidak berfungsi dengan sempurna. Yang Dipertua MPM, Muhamad Fuad Radzuan berkata, masalah tersebut yang berpunca daripada kelemahan penyelenggaraan kemudahan turut dibentangkan dalam Laporan Audit Negara 2009, minggu lalu. "Beberapa langkah telah diambil untuk memperbaiki kualiti perkhidmatan kemudahan awam berkenaan termasuk menubuhkan sebuah jawatankuasa khas untuk tujuan itu," katanya pada sidang akhbar selepas Mesyuarat Penuh MPM di sini semalam. Beliau berkata, jawatankuasa tersebut berperanan memantau masalah kerosakan fizikal yang dilaporkan membabitkan antaranya balai raya, taman permainan, gelanggang permainan, stadium dan laluan siar kaki di daerah ini.

"Kita akan panggil mesyuarat antara jabatan dan perhalusi perkara ini. Saya tiada rekod terkini namun dari semasa ke semasa kita menjalankan program penambahbaikan dan saya percaya masalah penyelenggaraan itu telah pun turun dari paras 70 peratus. "Antaranya, kita sudah pun selesai memperbaiki Dewan Tun Sulaiman Ninam Shah dan menyerahkannya untuk kegunaan penduduk dan kita juga telah menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan Dataran Tanjung Emas serta membuka tender untuk memperbaiki taman-taman permainan yang rosak," katanya. Menurut Muhamad Fuad, MPM bertanggungjawab menyelenggara kemudahan-kemudahan awam terbabit namun pihak beliau turut berharap anggota masyarakat dapat memberi kerjasama untuk menjaganya bagi manfaat bersama. "Kerja-kerja audit ini telah dibuat pada Oktober tahun lalu dan kita menyedari masalah-masalah yang timbul dan kita juga telah berusaha untuk memperbaiki keadaan," katanya.

Menurutnya lagi, MPM turut memberi perhatian terhadap isu yang dikemukakan Laporan Audit Negara berhubung masalah kekurangan tanah lapang serta kemudahan rekreasi di kawasan-kawasan perumahan di sekitar Muar. "Dasar Majlis yang dahulu membenarkan kawasan sebesar 1 hektar boleh dibangunkan tanpa ditetapkan kawasan lapang untuk rekreasi, kita tidak akan guna lagi dasar itu, sebaliknya, pindaan dasar akan dibawa ke Mesyuarat Perancangan Bandar," katanya. Sementara itu, jelas beliau, pihak MPM juga telah mengambil pelbagai langkah proaktif untuk menambah baik perkhidmatan kepada penduduk di samping memastikan kesejahteraan kawasan dapat ditingkatkan. "Kita telah tubuhkan Pasukan Tindakan Khas (Pantas) Gerak Tumpu yang bermatlamat memantau kebersihan di kawasan taman perumahan dan sehingga kini, sembilan dari 23 kawasan telah pun kita lawati untuk memastikan kebersihannya. "Selain itu, MPM juga telah melantik kontraktor dari Johor Bahru untuk menyelenggara dan membersihkan parit-parit tertutup di seluruh bandar Muar sebagai rancangan jangka pendek untuk mengatasi masalah banjir kilat," katanya. Menurutnya lagi, pihaknya turut memutuskan kawasan tapak pelupusan sampah di Bakri akan ditutup selamat secara berperingkat dengan benteng turut dibina bagi mengemaskan kawasan pengumpulan sisa pepejal itu.